




LAPORAN TAHUNAN
PERMODALAN DARUL TA'ZIM
2022

Mengilhamkan Pelaburan, Menggilap Kecemerlangan





Mengilhamkan Pelaburan **Menggilap Kecemerlangan**



**Laporan Tahunan
Permodalan Darul Ta'zim
(PDT) 2022 mencipta
sejarah tersendiri apabila
ia menjadi laporan tahunan
pertama yang diterbitkan.**



Penerbitan laporan ini menggariskan kemajuan syarikat, pencapaian, visi dan teras perniagaan yang menterjemahkan peranan penting PDT dalam pembangunan negeri Johor, selain mendukung mandat-mandat kerajaan negeri yang telah diamanahkan.

Permodalan bermaksud syarikat yang mengeluarkan modal dalam perniagaan bagi meraih keuntungan. Nama Permodalan Darul Ta'zim memberi gambaran kepada 'pelaburan negeri' yang mentakrifkan peranan PDT selaku Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor.



Jauhar Per-ma-ta



Reka bentuk muka hadapan Laporan PDT 2022 diterjemahkan berdasarkan matlamat kami iaitu Mengilhamkan Pelaburan, Merintis Kecemerlangan. Matlamat ini menjadi landasan kami selaku syarikat pelaburan kerajaan negeri dalam memacu pembangunan dan ekonomi negeri dan akan terus dijadikan panduan bagi tahun-tahun mendatang.

Paparan imej muka hadapan menggambarkan empat teras perniagaan utama kami dalam menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negeri yang membawa kelebihan serta manfaat kepada masyarakat.

Imej Jauhar ditampilkan bagi mengimbas sejarah logo asal PDT. Jauhar membawa maksud permata yang begitu sinonim dengan nama Johor. Elemen permata ini bagi memberi gambaran usaha keras kami dalam menggilap setiap potensi dan kekuatan yang akan menyinari di masa hadapan.

Jauhar





Isi Kandungan

PENGENALAN

(Mengilhamkan Pelaburan, Merintis Kecemerlangan)

1 - 2

ISI KANDUNGAN

3

SEKILAS PANDANG

4 - 14

Titik Pemulaan
Sekalung Penghargaan
Sorotan Tahun 2022

STRUKTUR KORPORAT

15 - 29

Perutusan Pengerusi
Analisis Ketua Eksekutif
Barisan Lembaga Pengarah
Barisan Pengurusan Kanan
Profil Korporat & Perniagaan

TADBIR URUS KORPORAT & GOVERNANS

30 - 39

Bingkisan Kata Pengerusi JAI
Ahli Jawatankuasa JAI
Analisis Pembudayaan Integriti & Governans

KEBERHASILAN UTAMA

40 - 69

Analisis Keberhasilan Utama
4 Teras Perniagaan
Analisis Pembangunan dan Pengurusan Hartanah

PRESTASI TAHUN 2022

70 - 81

Analisis Prestasi Kewangan
Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas
Laporan Prestasi Kewangan

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

82 - 96

Analisis Pembangunan Modal Insan
Transformasi Digital
Program Tanggungjawab
Sosial Korporat

SIDANG EDITORIAL


97



SEKILAS PANDANG

Titik Permulaan	5 - 6
Sekalung Penghargaan	7
Sorotan 2022	8 - 14

Titik Permulaan



Permodalan Darul Ta'zim
atau nama komersilnya, PDT
telah diperbadankan pada
16 Disember 1994
di bawah Akta Syarikat 1965



Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru

Titik permulaan penubuhan PDT adalah pada 7 Disember 1994 yang menyaksikan Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Johor bersetuju dengan penubuhan PDT selaku Syarikat Sendirian Berhad untuk mengurus semua aset Kerajaan Negeri dalam Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) dan juga semua ekuiti kerajaan negeri dalam projek-projek penswastaaan.

Pada awal penubuhan, kami berkecimpung dalam bidang pembangunan hartanah bagi tujuan komersil dan pelancongan, selain meneroka bidang pertanian iaitu antara sektor penyumbang ekonomi negeri Johor.

Dalam usaha melonjakkan PDT sebaris dengan pemain industri di peringkat antarabangsa, kami menceburkan diri dalam sektor yang memerlukan **tahap kemahiran tinggi, amalan profesionalisme dan praktis teknologi.**

Profesionalisme dan budaya kerja korporat PDT yang diterapkan dapat memastikan penglibatan lebih meluas syarikat-syarikat besar bagi menjalinkan kerjasama dalam pelbagai sektor.



Sebagai sebuah syarikat GLC yang kini sudah hampir tiga dekad penubuhannya, PDT menerusi anak syarikat dalam kumpulan terlibat, aktif menggerakkan perancangan strategik yang radikal dengan memberi fokus pada empat teras perniagaan iaitu Air, Air Kumbahan, Tenaga dan Persekitaran, Minyak dan Gas, Infrastruktur dan Hartanah, Perniagaan dan Pelaburan Strategik.

Teras perniagaan ini menjadi pemangkin dasar PDT bagi menyediakan asas yang kukuh dan konsisten untuk terus menyumbang kepada pembangunan negeri dan memacu ekonomi Johor, selaras dengan usaha menjadikan Johor negeri maju menjelang 2030.



Sekalung Penghargaan

Sejak penubuhannya, PDT melangkaui garis masa yang telah mencipta peristiwa penting dalam memacu ekonomi dan pembangunan negeri Johor berdasarkan keperluan utama ketika itu.



PDT mempunyai barisan **kepimpinan yang pragmatik serta beriltizam tinggi** yang telah memastikan kewujudan PDT menjadi sebuah organisasi berkesan sebagai pemegang pelaburan strategik utama negeri Johor.



Sekalung penghargaan diberikan kepada barisan kepimpinan terdahulu yang telah menjadikan PDT kekal relevan sehingga kini.

Mantan Ketua Eksekutif



YB DATO' DR. IBRAHIM
BIN ENDAN

1 Mei 1995 - 1 September 2000



YB DATIN PADUKA HAPIPAH
BINTI ENDOT

18 September 2000 - 30 Jun 2001



YB DATO' HAJI BADERI
BIN HAJI DUSUKI

1 Julai 2001 - 31 Mac 2004



YB DATIN PADUKA HAJAH
NORSIAH BINTI HARUN

10 Januari 2006 - 19 Oktober 2006



YB DATO' HAJI
ABD LATIF BIN YUSOF

20 Oktober 2006 - 13 Mac 2011



YB DATO' HAJI
MOHD RAZALI BIN MAHUSIN

1 April 2013 - 18 November 2013



YB DATO' DR. BADRUL HISHAM
BIN KASSIM

19 November 2013 - 30 April 2014




YB DATO' HAJI LUKMAN
BIN ABU BAKAR

1 Mei 2014 - 31 Ogos 2021




Sorotan 2022

Penyata Pendapatan PDT




Penyata Pendapatan Kumpulan PDT








Pecahan Pendapatan PDT 2022




Pecahan Pendapatan Kumpulan PDT 2022



**Kedudukan Aset & Liabiliti PDT 2018 - 2022****Kedudukan Aset & Liabiliti Kumpulan PDT 2018 - 2022**



Penilaian Prestasi



Skop
Penilaian

03 Kategori

20 Inisiatif

53 Pelan
Tindakan

Purata Sasaran
(Keseluruhan)

100 %


VS

Purata Pencapaian
(Keseluruhan)

96.8 %



Laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2022



06 Kategori 31 Inisiatif

Sorotan 2022

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)



Program	Peruntukan (RM)	Jumlah Penerima	Agensi Kerjasama
Tabung Pendidikan Sarjana PDT	114,000.00	38 Penerima	Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor
Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana	33,000.00	11 Penerima	Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor
Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor Leadership Retreat's 2.0 & 3.0	100,000.00	84 Peserta	Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor
Sumbangan Kepada Agensi Kerajaan, Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)	378,690.65	38 Program	Pelbagai Sumbangan Kebajikan kepada Jabatan / Agensi / NGO / Pertubuhan Kebajikan
Sukan Malaysia (SUKMA) 2022	50,000.00	242 Atlet	Majlis Sukan Negeri Johor

Sorotan 2022

Pengiktirafan



PDT Meraih Anugerah Gangsa,

Anugerah Integriti, Governans
dan Antirasuah (AIGA) 2022

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) merupakan satu anugerah yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi mengiktiraf sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan integriti dan tadbir urus yang terbaik dalam organisasi.





STRUKTUR KORPORAT

Perutusan Pengerusi	16 -17
Penyata Korporat	18 - 20
Barisan Lembaga Pengarah	21
Barisan Pengurusan Kanan	22 - 24
Profil Korporat & Perniagaan	25 - 29

Perutusan Pengerusi



YAB Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi
Menteri Besar Johor
merangkap Pengerusi PDT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor.

Ketika saya diberikan tanggungjawab memegang tampuk kepimpinan Kerajaan Negeri Johor pada Mac 2022, Kerajaan Negeri telah menetapkan hala tuju komprehensif agenda Maju Johor yang melibatkan dasar-dasar dalam aspek pentadbiran, sosial dan ekonomi negeri.

Penetapan hala tuju ini turut mengambil kira peranan dan penglibatan syarikat-syarikat korporat termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Johor.

Tadbir urus menjadi asas utama dalam pentadbiran Negeri Johor kerana kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi bergantung kepada amalan tadbir urus terbaik atau *good governance* di semua peringkat.



PERANAN PDT PERKUKUH AGENDA MAJU JOHOR



Tadbir urus menjadi **asas utama dalam pentadbiran Negeri Johor** kerana kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi bergantung kepada amalan tadbir urus terbaik atau *good governance* di semua peringkat





Mesyuarat Lembaga Pengarah PDT Kali Ke-30 Tahun 2022

Pasca pandemik COVID-19 menyaksikan Johor perlu bangkit bagi memastikan visi menjadikan Johor sebuah negeri maju, menjadi realiti. Sinergi di antara Kerajaan Negeri dan PDT adalah begitu signifikan bagi menjayakan Maju Johor menerusi Pelan Penstrukturan Perniagaan Pasca COVID-19 yang dirancang demi memastikan agenda pembangunan negeri Johor dapat diteruskan.

Dalam hal ini, kepakaran, sumber dan tenaga perlu bergerak seiring bagi menyempurnakan misi dan mencapai visinya demi kemajuan negeri tanpa mengetepikan bahagian yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Usaha PDT dan kumpulannya perlu dilipatgandakan bersama rakan strategik dalam penguasaan pasaran melibatkan empat teras perniagaan iaitu Sektor Air, Air kumbahan, Tenaga Dan Persekitaran; Minyak Dan Gas; Infrastruktur Dan Hartanah serta perniagaan dan pelaburan strategik yang dilihat mampu menjana hasil baharu pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri akan memanfaatkan kepakaran PDT bersama syarikat usaha sama dalam pengurusan air yang mampan, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pembangunan hartanah.

Kerajaan Negeri percaya bahawa pelan penstrukturan perniagaan PDT ini berada di landasan yang tepat dan mampu merealisasikan agenda Maju Johor menerusi kecekapan tadbir urusnya dalam pengurusan aset-aset kerajaan, pemilikan ekuiti, pelaburan dan pembangunan sektor yang memberi pulangan kepada kerajaan.

Saya bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sentiasa komited dan menyokong segala usaha yang dilaksanakan demi kemajuan Negeri Johor dan kemakmuran rakyat negeri ini.



Sesi Libat Urus Menteri Besar Johor ke Pejabat Anak Syarikat Kumpulan PDT



FOKUS 4 TERAS, JANA EKONOMI MASA DEPAN



PDT telah mengambil langkah **Penyusunan Semula Korporat Kumpulan PDT** bagi menjana perolehan di masa hadapan.



Selepas dua tahun negara mendepani cabaran pandemik COVID-19, tahun 2022 merupakan tahun pemulihan ekonomi bukan sahaja di Malaysia, bahkan di peringkat global. Institusi ekonomi, agen pembangunan dan sektor terpenting negara turut melancarkan pelan pemulihan serta mengambil langkah tertentu bagi memastikan kelangsungan perniagaan syarikat kekal relevan dan berdaya saing di pasaran.

Selain mendepani cabaran pemulihan ekonomi pasca COVID-19, kami turut mengharungi perkembangan iklim politik di Johor yang menyaksikan perubahan pentadbiran dan tampuk kepimpinan baharu. Namun, keadaan ini tidak merencatkan perancangan strategik perniagaan PDT.


Penyata Korporat



YB Dato' Ramlee Bin A Rahman
Ketua Eksekutif (Kumpulan)
Permodalan Darul Ta'zim

Kadar
Kenaikan
**Keuntungan
Tahun 2022**

898%



PDT telah memecahkan rekod keuntungan tertinggi yang pernah dicapai sebelum ini iaitu keuntungan selepas cukai pada kadar kenaikan 898% iaitu daripada RM2,387,162 pada tahun 2021 kepada RM19,047,542 pada tahun 2022.

PDT telah mengambil langkah Penyusunan Semula Korporat Kumpulan PDT bagi menjana perolehan untuk masa hadapan. Tindakan ini perlu bagi memastikan PDT dapat meneruskan perancangan perniagaan serta memperkukuh keyakinan pemegang taruh (*stakeholders*) serta rakan niaga.

Penyusunan Semula Korporat Kumpulan PDT memberi fokus pada empat teras perniagaan strategik iaitu Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga dan Persekitaran; Sektor Minyak dan Gas; Sektor Infrastruktur dan Hartanah dan Sektor Perniagaan dan Pelaburan Strategik.

Langkah ini membolehkan PDT memastikan perniagaan syarikat dapat dilaksanakan secara terancang dengan meminimumkan cukai pendapatan, memaksimumkan insentif cukai, mengurangkan kos, meningkatkan keberkesanan (*efficiency*) dan keuntungan (*profitability*) syarikat.



PDT memperkenalkan Penilaian Pencapaian Prestasi (PR) yang bertujuan mengukur prestasi syarikat agar gerak kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan PDT menepati spesifikasi yang telah ditetapkan sepanjang tahun.



Bagi memastikan perancangan dan strategik perniagaan dapat direalisasikan dengan jayanya, PDT telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan menggariskan inisiatif dan pelan tindakan yang perlu dicapai pada tahun tersebut. Pada tahun 2022, PDT turut memperkenalkan Penilaian Prestasi (PR) yang bertujuan mengukur prestasi syarikat agar gerak kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan sepanjang tahun.



Mesuarat CE Council

Perancangan kami disusun dengan berhati-hati dan berstrategik berpaksikan nilai teras kami iaitu 'integriti adalah teras profesionalisme kami'. Semak dan imbang, memperkemas dan audit dilakukan bagi mengenalpasti kelemahan, kekuatan, potensi mahupun ketirisan dalam memastikan tadbir urus korporat, kewangan, perolehan serta operasi dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan. Pembudayaan integriti dalam PDT ini telah mendapat pengiktirafan selayaknya apabila PDT menerima Anugerah Gangsa AIGA 2022 (Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah).



Majlis Ikrar Bebas Rasuah
PDT & Anak Syarikat Kumpulan

Seiring dengan perkembangan teknologi, PDT tidak mengabaikan keperluan syarikat untuk mentransformasi persekitaran kerja dengan lebih efisien. PDT sedang bekerja keras untuk mempersiapkan organisasi dengan meningkatkan kemahiran, kecekapan pengurusan dan operasi. Langkah ini dilaksanakan menerusi Pendigitalan Operasi Syarikat yang sedang dilaksanakan secara berfasa.

Dengan keupayaan kakitangan dan barisan pengurusan profesional, mahir dan berpengalaman dalam pelbagai bidang, kami berusaha untuk menyampaikan faedah dan pulangan ekonomi kepada kerajaan dan masyarakat di negeri Johor.

Sejajar dengan matlamat itu, PDT sentiasa bergerak aktif dalam pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi fokus pada pendidikan dan pembangunan modal insan. Fokus ini diberi keutamaan setelah melihat kepentingannya untuk melahirkan kepakaran yang akan memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan negeri Johor khususnya.



Kunjungan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Eco World, Dato' Chang Khim Wah bagi Membincangkan Kemajuan Projek Pembangunan Bersama Perumahan Eco Botanic 2



Majlis Amanat Ketua Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim 2022

Kerjasama erat dan sokongan berterusan daripada pemegang taruh, syarikat bersekutu dan rakan niaga membolehkan PDT menjalankan misi dan visinya untuk memberi pulangan kepada kerajaan negeri.

Justeru, saya mewakili PDT dan Kumpulan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan serta seluruh jabatan atau agensi di bawahnya atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam mengharungi cabaran dalam usaha menjadi salah satu organisasi yang mapan dan berdaya saing di negeri Johor.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada pemegang taruh, syarikat-syarikat bersekutu, penasihat kewangan, rakan strategik dan semua pihak yang terlibat sama dalam perancangan korporat dan pelaburan sepanjang tahun 2022.

Ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga kerja PDT dan Kumpulan di atas ketekunan, dedikasi dan kerja keras dalam melunaskan amanah yang diberikan. PDT akan terus mengorak langkah maju ke hadapan dalam usaha Menjana Masa Depan Yang Lebih Gemilang.



Barisan Lembaga Pengarah



YAB Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi
Menteri Besar Johor



YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor



YB Tuan Lee Ting Han
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan,
Perdagangan dan Hal Ehwal
Pegguna Negeri Johor



YB Dato' Haji Salehuddin Bin Haji Hassan
Pegawai Kewangan Negeri Johor



YB Dato' Haji Mohammed Ridha Bin Abd Kadir
Timbalan Setiausaha
Kerajaan Johor (Pembangunan)



YB Dato' Haji Ashari Bin Kasnan
Pengarah Pejabat Tanah
& Galian Johor



YB Datin Paduka Dr. Hajah Suhailizan Binti Suliman
Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan
Perumahan Negeri Johor



YB Dato' Ishak Bin Sahari
Pengarah Bebas/Pengerusi
Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI)
Permodalan Darul Ta'zim



YB Dato' Ramlee Bin A Rahman
Ketua Eksekutif (Kumpulan)
Permodalan Darul Ta'zim

Profil Pengurusan PDT



Dato' Ramlee Bin A Rahman

Ketua Eksekutif (Kumpulan)
Permodalan Darul Ta'zim

*Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran dan Pembangunan Tanah),
Universiti Teknologi Malaysia*

Dato' Haji Ramlee Bin Haji A Rahman diberi tanggungjawab menerajui Kumpulan PDT pada September 2021. Beliau merupakan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang dilantik pada 1992 dan memiliki pelbagai portfolio dalam pengurusan serta pentadbiran sektor awam dan swasta. Disifatkan sebagai pemimpin berwawasan dan berinspirasi, Dato' Ramlee pernah memegang jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), iaitu salah satu sektor penting kerajaan negeri. Pengalaman dan kepakaran beliau telah melebihi tiga dekad, melibatkan pelbagai industri seperti pelaburan dan pembangunan hartanah, pembinaan, pertanian, pembuatan, minyak dan gas, utiliti dan pembangunan infrastruktur. Dato' Ramlee kini juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi & Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech); Profesor Adjung di Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta merupakan Ahli Lembaga Pengarah di 23 buah syarikat.



Dzulkifly Bin Hassan

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Korporat & Kewangan

*Ijazah Sarjana Muda Perakaunan
Dengan Kepujian,
Universiti Teknologi MARA*

Dzulkifly Bin Hassan telah menyertai PDT pada Januari 2014. Beliau mempunyai pengetahuan luas dan kepakaran dalam bidang perakaunan dengan bermula sebagai juruaudit di sebuah firma perakaunan. Rekod kecemerlangan beliau telah terbukti apabila dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi di sebuah syarikat badan berkanun. Perjalanan karier beliau telah memberi pengalaman luas dalam pelbagai sektor termasuk pengurusan hartanah, pelaburan, utiliti (industri air, air kumbahan) dan sektor pelancongan. Ketika dalam perkhidmatan di PDT, Dzulkifly pernah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam memberi nasihat dan merangka inisiatif strategik yang mempengaruhi kedudukan global terhadap kejayaan pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang, Johor. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah The Johor Collection Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah PUJB Retail Sdn. Bhd. dan Pengarah Urusan PDT Techniques Sdn. Bhd.



Noor' Azmi Bin Md Omar

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Komunikasi, Pentadbiran & Sumber Manusia

*Ijazah Sarjana Muda Sains
(Pengurusan Pelancongan)
Dengan Kepujian,
Universiti Teknologi MARA*

Noor' Azmi Bin Md Omar menyertai PDT pada September 2019. Beliau merupakan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang dilantik pada 2011 dan telah memegang pelbagai portfolio. Beliau disifatkan sebagai pemimpin berkarisma dan mempunyai pengalaman luas termasuk dalam pengurusan sumber manusia dan komunikasi strategik. Sebelum ini, beliau merupakan Penolong Pegawai Tadbir Tanah di Pejabat Tanah Segamat; Pegawai Tadbir (Media & Komunikasi) di Pejabat Menteri Besar Johor; Penolong Setiausaha (Bahagian Perumahan); Penolong Setiausaha (Bahagian Sumber Manusia); Setiausaha Pembangunan di Pejabat Menteri Besar Johor dan Ketua Penolong Pegawai Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Sebelum menyertai PDT, Noor' Azmi menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor. Berbekalkan pengalaman selaku Penjawat Awam Johor selama 12 tahun, beliau diberi kepercayaan bagi menerajui sektor baharu di PDT iaitu Sektor Komunikasi, Pentadbiran dan Sumber Manusia. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PDT Holdings Sdn. Bhd. dan Ahli Lembaga Pengarah Cahaya Jauhar Sdn. Bhd.



Ambok Nani Bin Muhamad Nor

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Hartanah & Projek

*Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik
(Matematik Industri) Dengan Kepujian,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*

Ambok Nani Bin Muhammad Nor telah menyertai PDT pada April 2020. Beliau merupakan Pegawai Tadbir Negeri Johor yang dilantik pada tahun 2012. Sebelum menyertai PDT, beliau telah memegang pelbagai portfolio iaitu Penolong Pegawai Tadbir Tanah di Pejabat Tanah Batu Pahat; Pegawai Tadbir (Media & Komunikasi) di Pejabat Menteri Besar Johor; Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Johor; Penolong Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Johor serta Ketua Unit Korporat dan Kualiti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Berbekalkan pengalaman selaku Penjawat Awam Johor selama 11 tahun, beliau diberi kepercayaan dalam mengatur strategik pengurusan hartanah yang melibatkan kerjasama di antara pelbagai agensi, syarikat swasta dan kerajaan negeri. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PDT Holdings Sdn. Bhd. dan Ketua Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI).

**Mohd Firdaus Bin Abd Samad**

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Undang-Undang, Kesetiusahaan & Integriti

*Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Undang-undang Dengan Kepujian,
Universiti Teknologi MARA*

Mohd Firdaus Bin Abd Samad menyertai PDT pada Januari 2014. Disifatkan sebagai pemimpin muda berwawasan, beliau sebelum ini merupakan ahli Badan Peguam Malaysia sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaysia. Pendedahan awal beliau di firma guaman telah memberikan kelebihan dan pengetahuan luas dalam perkhidmatan undang-undang termasuk kes komersil, pembinaan dan kontrak syarikat. Kredibiliti beliau terbukti apabila diberi kepercayaan memegang jawatan selaku pengarah di beberapa syarikat swasta. Pada 2016, beliau telah dianugerahkan sijil profesional Creating Collaborative Solutions: Innovations in Governance Program dari Harvard University, John F. Kennedy School of Government. Berkaitan amalan tadbir urus korporat, Mohd Firdaus telah dianugerahkan Diploma Tadbir Urus dan Pematuhan Korporat dari Basel Institute on Governance serta Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PDT Holdings Sdn. Bhd. dan Ketua Pegawai Eksekutif PDT Ascend Sdn. Bhd.

**Ts. Azman Bin Jaafar**

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Penyelidikan & Pemantauan Projek

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan
Awam Dengan Kepujian,
Universiti Teknologi Malaysia*

Ts. Azman memulakan kerjayanya di PDT apabila ditawarkan jawatan sebagai Timbalan Naib Presiden, Pengurusan Harta Tanah dan Projek pada Disember 2014. Selanjutnya, kredibiliti beliau terbukti apabila memegang jawatan sebagai Naib Presiden, Jabatan Korporat PDT dan seterusnya telah diberikan kepercayaan untuk menerajui portfolio yang baharu sebagai Timbalan Presiden, Penyelidikan dan Pemantauan Projek (Kumpulan) PDT. Sebagai pemegang ijazah kejuruteraan, beliau mempunyai kepakaran profesional dalam pelbagai bidang kejuruteraan termasuklah pengurusan aset, korporat, komersil dan hartanah. Sebelum menyertai PDT, beliau berpengalaman luas dalam menguruskan projek yang melibatkan industri air dan air kumbahan di dalam dan luar negara seperti Indonesia, India dan Sudan. Pada 2016, beliau telah dianugerahkan sijil profesional Creating Collaborative Solutions: Innovations in Governance Program dari Harvard University, John F. Kennedy School of Government. Manakala pada 2018 pula, beliau telah diiktiraf sebagai Teknologis Profesional dari Lembaga Teknologis Malaysia yang membawa gelaran Ts. Di samping itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah PDT Holdings Sdn. Bhd.; Ketua Pegawai Eksekutif PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd. dan Pengarah Eksekutif PDT Integrated Services Sdn. Bhd.



Profil Korporat & Perniagaan

PEJABAT BERDAFTAR

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.
No.44, Jalan Padi Emas 1/2,
Uda Business Centre, Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia



JURUAUDIT LUAR

Tetuan Salihin (AF1246)
No. 17-02, Jalan Kolam Air 1,
Taman Nong Chik Heights,
80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia



PEMILIK SYARIKAT

100%

Dimiliki Oleh
Perbadanan Setiausaha
Kerajaan Johor (SSI)



MODAL BERBAYAR

RM
1,000,002.00



Jumlah
Kakitangan
PDT & Anak Syarikat
Kumpulan

PDT

51

- Pengurusan **6**
- Eksekutif **14**
- Bukan Eksekutif **31**

ANAK SYARIKAT
KUMPULAN

40

- Pengurusan **6**
- Eksekutif **3**
- Bukan Eksekutif **31**



Budaya Korporat



PDT menerapkan budaya korporat menerusi pengiktirafan bakat, kreativiti, inovasi dan kerjasama berpasukan bagi menggilap dan memacu kecemerlangan di masa hadapan.



VISI

Menjadi sebuah **instrumen pelaburan strategik** yang terunggul bagi kerajaan negeri Johor.

MISI

Melaksanakan **aspirasi kerajaan negeri dengan memaksimumkan pulangan** pelaburan dan penyampaian perkhidmatan



5 Nilai Teras

**Kerajaan
& Rakyat
Adalah
Keutamaan
Kami**

**Usahasama
& Kerjasama
Adalah
Kejayaan
Kami**

**Integriti
Adalah
Teras
Profesionalisme
Kami**

**Agama
Adalah
Prinsip
Panduan
Kami**

**Kakitangan
Adalah
Kekuatan
Kami**

PDT berpegang teguh pada **Lima Nilai Teras** yang menjadi asas kepada cara kami menjalankan perniagaan dan menjadikan kami bertanggungjawab untuk melakukan yang terbaik.

Nilai Teras ini diterapkan pada seluruh kakitangan supaya kami merasakan tanggungjawab ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang hebat. Nilai Teras ini juga akan mengawal tindakan kami dan menentukan kejayaan kami.

Teras Perniagaan



Air, Air Kumbahan Tenaga & Persekitaran



100%



100%



20%



9.052%



30%

Konsortium PDT-ASIA BARU



20%

CYPARK-PDT SMART WTE
(Bukit Payong)

Minyak & Gas

PENGERANG
INDEPENDENT TERMINALS



10%



PLNG2SB
10%



10%



100%



100%



61%



80%



100%



100%



100%



100%



100%



Infrastruktur & Hartanah



Perniagaan & Pelaburan Strategik



TADBIR URUS KORPORAT & GOVERNANS

Bingkisan Kata Pengerusi JAI	31
Ahli Jawatankuasa JAI	32 - 33
Analisis Pembudayaan Integriti & Governans	34 -39

Bingkisan Kata Pengerusi JAI



YB Dato' Ishak Bin Sahari
Pengerusi Jawatankuasa
Audit & Integriti

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang bertanggungjawab sepanjang tahun 2022 dalam memastikan PDT dan kumpulannya mengamalkan tadbir urus korporat yang baik.

Tadbir urus yang baik menuntut ketelusan dan akauntabiliti yang lebih besar diwujudkan dalam setiap organisasi. Saya percaya Ahli Jawatankuasa Audit dan Integriti (JAI) dan Sekretariat JAI telah bekerja keras bagi menjayakan amalan tadbir urus korporat dan *governance* ini mengikut tatacara sebenar demi memastikan kejayaan organisasi yang mampan.

Pengurusan tadbir urus korporat dalam sesebuah organisasi membolehkan para pelabur memantau hala tuju dan integriti perniagaan. Syarikat yang memiliki tadbir urus yang baik lazimnya tidak berdepan masalah dalam membina kepercayaan pelabur. Ia juga mempunyai peranan penting dalam pengurusan syarikat secara teratur tanpa salah guna kuasa atau konflik kepentingan.



Amalan tadbir urus korporat yang baik, ianya berupaya **meningkatkan keyakinan kakitangan dalam menambahbaik pembudayaan integriti** di dalam diri serta dapat memperkukuhkan produktiviti kakitangan di dalam organisasi.



Besar harapan saya agar melalui amalan tadbir urus korporat yang baik, ianya berupaya meningkatkan keyakinan kakitangan dalam menambahbaik pembudayaan integriti dalam diri serta dapat memperkukuhkan produktiviti kakitangan di dalam organisasi.

Saya berharap agar setiap kakitangan di PDT dan kumpulan serta pihak ketiga bersama-sama memahami dan melaksanakan setiap inisiatif yang dihasilkan oleh syarikat agar ianya dapat mencegah daripada melakukan gejala rasuah di dalam atau luar syarikat.



Ahli Jawatankuasa **Audit & Integriti**



Tuan Haji Mohd Khir Bin Haji Salleh
Ahli Jawatankuasa
Audit & Integriti

Tuan Haji Lukman Bin Abu Bakar
Ahli Jawatankuasa
Audit & Integriti

YB Dato' Ishak Bin Sahari
Pengerusi Jawatankuasa
Audit & Integriti

**YB Dato' Ishak Bin Sahari**

*Ijazah Undang-undang (LLB-Hons),
Universiti Malaya (UM)*

Yang Berhormat Dato' Ishak Bin Sahari mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perundangan hampir tiga dekad dan beliau menjadi sumber rujukan utama Kerajaan Negeri Johor.

Beliau mula berkhidmat sebagai Majistret Mahkamah Majistret Johor Bahru (Julai 1986 - Mei 1990), sebelum dilantik sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kota Bharu dan Kuala Lumpur (Jun 1990 - Julai 1993).

Sekitar Ogos 1993 - Mac 1995, Dato' Ishak telah dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara Kuala Lumpur dan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Melaka. Beliau juga pernah menggalas tanggungjawab sebagai Hakim di Mahkamah Sesyen Klang (Jun 2001 - Julai 2002).

Dengan profesionalisme, kesungguhan dan ketahanan dalam melaksanakan tugas yang mencabar dalam bidang perundangan, beliau telah diberi amanah oleh Kerajaan Negeri Johor bagi melaksanakan tugas sebagai Penasihat Undang-undang Negeri dan seterusnya dilantik sebagai Ahli Penasihat Jumaah Majlis DiRaja Johor pada tahun 2020.

Analisis Pembudayaan Integriti & Governans



Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 yang diterbitkan *Transparency International* (TI) menyaksikan skor persepsi rasuah di Malaysia merudum daripada 53 mata pada 2019 kepada 47 mata pada 2022. Penurunan 6 mata dalam tempoh tiga tahun tersebut adalah signifikan dan menjadi titik tolak Kerajaan Malaysia memperkenalkan inisiatif penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) di semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Penubuhan IGU bertujuan membantu GLC memperkukuhkan kawalan dalaman bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mewujudkan budaya perniagaan yang telus. Melalui usaha memperkuat pengurusan integriti dan governans tersebut, para kakitangan di peringkat GLC berupaya untuk mengamalkan budaya kerja yang berintegriti tinggi berteraskan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Secara tidak langsung, penubuhan IGU berupaya memastikan kepentingan pemegang taruh (*stakeholder*) sentiasa diutamakan, diperkasa serta dilindungi.



PDT merupakan antara **GLC terawal** di Johor yang telah mengorak langkah dalam **menyokong penubuhan IGU**



Mohd Firdaus Bin Abd Samad

Timbalan Presiden,
Undang-Undang,
Kesetiausahaan & Integriti



PDT merupakan antara GLC terawal di Johor yang telah mengorak langkah dalam menyokong penubuhan IGU melalui Jabatan Integriti dan Governans. Usaha tersebut turut menyaksikan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Integriti (JAI) bagi memantau pelaksanaan fungsi teras IGU serta membantu Ahli Lembaga Pengarah membendung risiko jenayah rasuah dan memastikan fungsi audit dalam dilaksanakan secara berkala di peringkat PDT dan anak syarikat.

Sehingga kini, inisiatif-inisiatif yang telah diwujudkan di bawah Jabatan Integriti dan Governans telah diberikan pengiktirafan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) melalui Anugerah Integriti, Governans dan Anti-Rasuah (AIGA).

Dalam usaha memastikan pembudayaan integriti dan pelaksanaan tadbir urus korporat sentiasa diwujudkan di peringkat PDT dan juga anak Syarikat dalam kumpulan, PDT telah menggerakkan dua inisiatif utama sepanjang tahun 2022.



MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

Penganjuran Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Peringkat PDT dan Anak Syarikat Kumpulan PDT merupakan inisiatif pertama yang berjaya digerakkan oleh Jabatan Integriti dan Governans PDT. Majlis ini merupakan majlis yang julung kalinya dianjurkan oleh PDT dalam usaha memupuk nilai integriti dan kebertanggungjawaban dalam setiap kakitangan.

Seramai 121 kakitangan termasuk barisan pengurusan kanan PDT dan anak Syarikat Kumpulan PDT telah memberikan komitmen dengan melafazkan Ikrar Bebas Rasuah semasa majlis tersebut yang diadakan pada 30 Mac 2022. Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran Buku Panduan Integriti yang menjadi sumber rujukan utama kepada warga kerja dalam meningkatkan pembudayaan integriti.



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI KUMPULAN PDT

Inisiatif kedua adalah menerusi penerbitan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kumpulan PDT yang telah diluluskan ketika Mesyuarat JAI Kali Ke-6 pada Julai 2022. OACP Kumpulan PDT menggariskan strategi utama syarikat dalam usaha menambahbaik pembudayaan integriti serta menjadi dokumen dasar bagi mengawal risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan dan pentadbiran.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Selari dengan amalan terbaik di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Lembaga Pengarah PDT telah mengorak langkah proaktif dalam pelaksanaan fungsi tadbir urus korporat yang baik melalui penubuhan Jawatankuasa Audit & Integriti (JAI) di peringkat Kumpulan PDT.



Peranan Jawatankuasa Audit & Integriti

Peranan dan tanggungjawab utama JAI di peringkat Kumpulan PDT adalah sepertimana berikut:

- ❖ Memantau pelaksanaan Fungsi Teras Unit Integriti & Governans serta membantu Lembaga Pengarah Kumpulan PDT untuk mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan kelakuan tidak wajar di peringkat organisasi;
- ❖ Memastikan fungsi audit dalam dan audit luar dilaksanakan secara berkala di peringkat Kumpulan PDT termasuk melantik juruaudit yang bersesuaian untuk melaksanakan fungsi-fungsi tersebut.





Pencapaian Jawatankuasa Audit & Integriti



Mesyuarat
Jawatankuasa
Audit & Integriti

8



Polisi
&
SOP Integriti

9



Lawatan
ke
Agensi

4



Inisiatif
OACP

50



Jumlah
Kitaran
Audit Dalam

10



Jumlah
Inisiatif
Penambahbaikkan

177

Sekretariat JAI



Mohd Firdaus Bin Abd Samad

Ketua Integriti dan Governans (CIGO)
Jawatankuasa Audit dan Integriti
Permodalan Darul Ta'zim



Muhammad Nur Sadiqin Bin Mohd Khusni

Pegawai Integriti & Governans (CIGO)
Jawatankuasa Audit dan Integriti
Permodalan Darul Ta'zim



Muhammad Ridhuan Bin Mohd Noor

Pegawai Audit Dalam
Jawatankuasa Audit dan Integriti
Permodalan Darul Ta'zim



Siti Aisyah Binti Azman

Pegawai Integriti/
Sub-Unit Pengesanan dan Pengesahan
Jawatankuasa Audit dan Integriti
Permodalan Darul Ta'zim



Hamizah Binti Kamaruzaman

Pegawai Pematuhan
Jawatankuasa Audit dan Integriti
Permodalan Darul Ta'zim

KEBERHASILAN UTAMA

Analisis Keberhasilan Utama	41
Teras Perniagaan	43 - 63
Analisis Pembangunan & Pengurusan Hartanah	64 - 69

Analisis Keberhasilan Utama



PDT menerusi Sektor Penyelidikan dan Pemantauan Projek (RPM), sentiasa komited dalam melaksanakan kerja-kerja penyelidikan bagi merintis dan mempelopori peluang-peluang perniagaan baharu serta turut menggalas tanggungjawab dalam memastikan setiap pembangunan projek yang dilaksanakan oleh PDT berjalan dengan lancar.



Pada Tahun 2022, PDT telah berjaya memacu dan menambahbaik sumber pendapatan dengan memberi tumpuan kepada empat teras perniagaan utama iaitu **Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran; Sektor Minyak dan Gas; Sektor Infrastruktur & Hartanah dan Sektor Perniagaan & Pelaburan Strategik.**



Ts. Azman Bin Jaafar

Timbalan Presiden (Kumpulan),
Penyelidikan & Pemantauan Projek

Kajian Projek Berimpak Tinggi

Antara kejayaan PDT dalam kajian projek berimpak tinggi adalah melibatkan Industri Air dan Kumbahan di negeri Johor dan ia telah menjadikan PDT sebagai peneraju utama dalam industri tersebut. Usaha itu dilaksanakan menerusi penyelidikan secara menyeluruh dan pemantauan pembangunan projek sedia ada secara berkala.

Bagi perancangan masa hadapan, PDT telah mensasarkan beberapa projek berpotensi dan berimpak tinggi termasuk menjalankan kerjasama dengan universiti terkemuka bagi membangunkan fasiliti pengecas kenderaan elektrik dan inisiatif tenaga boleh diperbaharui.

Sasaran ini adalah selaras dengan keupayaan jangka masa panjang PDT bagi terus menyokong mandat Kerajaan Negeri Johor yang tertumpu kepada permintaan dan persekitaran global dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

Penilaian Prestasi

Bagi meningkatkan produktiviti syarikat, PDT juga telah mula melaksanakan Penilaian Prestasi (PR) pada tahun 2022. Pelaksanaan PR adalah bertujuan menilai prestasi syarikat agar perancangan dan gerak kerja yang dilaksanakan menepati sasaran berdasarkan pelan tindakan dan perancangan syarikat yang dirangka sepanjang tahun 2022.

Berdasarkan pencapaian PR yang cemerlang pada tahun 2022, PDT beriltizam untuk terus maju serta mencapai pulangan yang berterusan dan mampan pada tahun mendatang.

PR juga turut dilaksanakan kepada enam (6) anak syarikat kumpulan PDT iaitu :

Johor Special Water Sdn. Bhd. (JSW)

Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB)

Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB)

Johor Centre for Construction Development Sdn. Bhd. (JCCD)

Johor Economic, Tourism and Cultural Office Singapore Pte. Ltd. (JETCO)

PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd. (PDT O&G)

PDT turut mengorak langkah maju ke hadapan dengan melaksanakan penilaian awalan berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dijangka akan mula dikuatkuasakan oleh PDT dan anak syarikat kumpulan pada tahun 2023.



♦ Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran



PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri sebagai peneraju utama dalam pembangunan Sektor Air, Air Kumbahan, Tenaga & Persekitaran di Negeri Johor



AIR

Pembinaan Loji Rawatan Air Kahang
Pembekalan Air Layang 2 Fasa 2
Pegangan Ekuiti Ranhill Utilities Berhad
Pemilikan Aset Bekalan Air Negeri Johor

AIR KUMBAHAN

Kerjasama bersama Indah Water Konsortium

TENAGA & PERSEKITARAN

Supply Agreement Renewable Energy (SARE)
di bangunan Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Johor

Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Kahang



Projek pembinaan Empangan Kahang berkapasiti 100MLD telah siap dibina pada 14 Mei 2017 oleh kontraktor utama yang dilantik iaitu syarikat Asia Baru Construction Sdn Bhd (ABC) melalui peruntukan sebanyak RM105 juta daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim).

Salah satu objektif utama Empangan Kahang ini adalah untuk menyediakan sumber air mentah baru bagi mengatasi krisis air lampau yang dialami oleh pengguna di daerah Kluang dan sekitarnya.

Bekalan sedia ada dari Loji Air Sembrong Barat dan Sembrong Timur masing-masing pada 54 dan 26 JLH tidak dapat menampung dalam menghadapi isu kualiti air mentah dan masalah bekalan air terawat yang tidak mencukupi semasa musim kemarau.

Kerajaan Negeri Johor melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor telah melantik Konsortium PDT – Asia Baru iaitu sebuah Konsortium yang ditubuhkan oleh Permodalan Darul Ta'zim (PDT) dan Asia Baru Construction Sdn. Bhd. (ABC) untuk pelaksanaan projek Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Kahang yang baru dan Sistem Agihan dari LRA Kahang ke Bandar Kluang, Johor.

Mengambil kira kepentingan pelaksanaan projek ini serta persediaan dalam menghadapi musim kemarau, pihak Konsortium PDT – Asia Baru telah memberikan jaminan bahawa pelaksanaan projek ini akan dibuat secara *fast track* dalam masa tempoh 18 bulan.

Sehingga penghujung 2022, projek ini telah siap 98% manakala baki kerja-kerja di tapak hanyalah penyambungan antara paip baru dan paip sedia ada yang akan dilaksanakan pada 2023.



Kapasiti Loji	40 Juta Liter Sehari (MLD)
Kos Projek	RM127.2 Juta
Aplikasi Teknologi	Dissolved Air Flotation (DAF)
Pelaksanaan Projek	Fasa 1 : Siap 30 Ogos 2018 Fasa 2 : Dalam pembinaan (2022)

Pembekalan Air Mentah Layang 2 Fasa 2



Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2016 telah mengenal pasti keperluan pelaksanaan Projek pembekalan air mentah Layang 2 untuk pemindahan air daripada Sungai Sedili Besar ke Empangan Seluyut dan daripada Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang bagi memenuhi permintaan air di selatan Johor yang meningkat selari dengan pembangunan pesat di negeri ini.

Pada 20 Januari 2017, Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) pada ketika itu telah bersetuju melaksanakan projek Layang 2 Fasa 2 (L2F2) daripada Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang dengan kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Johor.

Dalam memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, Kerajaan Negeri telah melantik Konsortium PDT – Asia Baru bagi melaksanakan projek L2F2 tersebut.

Pembinaan L2F2 telah dimulakan pada 12 Februari 2017 dengan tempoh pelaksanaan selama 24 bulan dan telah 100% siap sepenuhnya pada 11 Februari 2019. Manakala bagi tahun 2022, terdapat perubahan kerja (*Variation Order*) bernilai RM23,640,158.00 yang telah dilaksanakan iaitu kerja-kerja tambahan bagi penyambungan janakuasa TNB dengan skop yang telah dipersetujui iaitu pembinaan Stesen Suis Utama (SSU) 33kV dan kerja-kerja mekanikal serta elektrik yang berkaitan.



Kapasiti Loji	130 Juta Liter Sehari (MLD)
Kos Projek	RM181 Juta (oleh Kerajaan Negeri)
Pelaksanaan Projek	Kontrak Asal : Siap 15 Februari 2019 Tambahan Kerja : Dalam Pembinaan (2022)

Pegangan Ekuiti Ranhill Utilities Bhd.



Akses terhadap bekalan air bersih yang selamat dan berterusan merupakan hak asasi setiap rakyat. Dalam dunia yang semakin pesat membangun industrinya, pasti wujud cabaran bagi memastikan bekalan air bersih terus dapat dibekalkan.

Namun, pembangunan industri hadir bersama kemajuan teknologi yang boleh dimanfaatkan untuk menyerap kesan pembangunan seperti pencemaran. Dengan teknologi baharu seperti automasi, potensi pembekalan air bersih secara berterusan dan sistematik sebenarnya meningkat seiring dengan cabarannya.

Sebagai pengendali eksklusif perkhidmatan air di Johor, Ranhill Utilities Berhad sentiasa meneroka potensi penggunaan teknologi dalam usahanya membekalkan air bersih secara berterusan kepada rakyat Johor.

Ranhill melalui anak syarikatnya, Ranhill SAJ Sdn. Bhd. merupakan satu-satunya pengendali perkhidmatan air milik swasta yang beroperasi di Malaysia sementara pengendali lain semuanya dimiliki oleh kerajaan negeri. Selama 22 tahun tempoh operasinya di Johor, Ranhill SAJ berjaya melanjutkan lesen Tempoh Operasi 5 (OP5) di Johor untuk 2021 hingga 2023 selepas memenuhi semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara, PDT telah diberikan mandat untuk memiliki sebahagian pegangan ekuiti RUB dalam memastikan industri bekalan air di Johor dapat di kawal serta dipantau dari semasa ke semasa.

Ini juga merupakan salah satu inisiatif pelaburan strategik oleh PDT bagi meningkatkan pendapatannya melalui pulangan dividen yang diterima.

Pemilikan Pegangan Ekuiti PDT dalam RUB

9.07%

Pemilikan Aset Bekalan Air Negeri Johor



SAJSB bertanggungjawab memiliki dan menguruskan semua aset berkaitan bekalan air di negeri Johor



PDT menerusi anak syarikat kumpulan iaitu Syarikat Air Johor Sdn Bhd (SAJSB) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan semua aset berkaitan bekalan air di negeri Johor yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Inisiatif ini merupakan fokus utama dan instrumen penting Kerajaan Negeri bagi memastikan impak kepada rakyat dari perspektif kawalan kadar tarif air berada pada kadar yang minimum.

Tiga (3) aset utama bekalan air di negeri Johor yang berada di bawah pengurusan SAJSB adalah :

Loji Rawatan Air (LRA)	Tahun Dibina	Kapasiti
LRA Gunung Pulai	1924	80 MLD
LRA Sultan Ismail	1964	227 MLD
LRA Kahang	Dalam pembinaan	40 MLD

SAJSB akan terus komited dalam memastikan keseimbangan dicapai antara keperluan operator semasa, pihak-pihak berkepentingan, kelestarian alam sekitar, kesejahteraan pekerja dan keperluan masyarakat setempat sentiasa terjamin.



Sektor Air Kumbahan

Kerjasama Bersama Indah Water Konsortium



Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) perlu bekerjasama dengan JSW dalam pengambilalihan operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Lanjutan itu, satu Perjanjian Kolaborasi di antara pihak JSW dan IWK telah ditandatangani pada 11 Oktober 2021 agar cadangan pengambilalihan operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih strategik.

Terdapat empat (4) skop perkhidmatan utama yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak menerusi Perjanjian Kolaborasi yang telah ditandatangani. Ianya akan diperincikan menerusi Perjanjian Definitif sebagaimana skop berikut:



Skop Perjanjian

Pengoperasian dan Penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Awam & Perkhidmatan Pembaikan Rangkaian Paip Pembetungan;

Penyahanap Cemar (*Desludging*);

Air Tebus Guna (*Water Reclamation*); dan

Konsultan Pengurusan Projek (*Project Management Consultant "PMC"*)



Sehingga tahun 2022, Perjanjian Definitif bagi skop Pengoperasian & Penyelenggaraan dan Penyahanap Cemar (*Desludging*) telah ditandatangani pada 30 Mei 2022 dan sehingga kini, ianya telah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor bertauliah yang dilantik oleh JSW mengikut skop kerja-kerja yang ditawarkan.

Selanjutnya, JSW telah mensasarkan bagi memuktamadkan Perjanjian Definitif bagi skop Air Tebus Guna (*Water Reclamation*) dan Konsultan Pengurusan Projek (PMC) pada tahun 2023 untuk mengembangkan lagi fungsi dan peranan syarikat dalam menyediakan perkhidmatan pembetungan dan kumbahan yang berkualiti terutamanya di kawasan MBJB dan MBPG selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan bagi mencapai 90 peratus liputan rangkaian pembetungan menjelang tahun 2025.

WISE – WATER SMART ENGAGEMENT PARTNERSHIP



USWP adalah kerjasama awam-swasta (PPP) berpusat di Amerika Syarikat yang ditubuhkan bertujuan **menyatukan kepakaran, pengetahuan dan sumber daya bagi menangani isu air di seluruh dunia**



Usaha menjalinkan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Johor bersama Amerika Syarikat berkaitan Water Smart Engagement Partnership (WiSE) telah bermula pada 5 Mei 2021. Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Mr. McFeeters telah menzahirkan hasrat jalinan kerjasama tersebut kepada Menteri Besar Johor ketika itu iaitu Yang Berhormat Dato' Ir. Hasni Bin Mohammad.

Lanjutan itu, Kerajaan Negeri Johor bersetuju bahawa syarikat GLC Johor iaitu Permodalan Darul Takzim (PDT) diberi tanggungjawab untuk memastikan kerjasama ini berterusan di antara Kerajaan Negeri Johor dan US Water Partnership (USWP).

USWP adalah kerjasama awam-swasta (PPP) berpusat di Amerika Syarikat yang ditubuhkan bertujuan untuk menyatukan kepakaran, pengetahuan dan sumber daya bagi menangani isu air di seluruh dunia.

USWP telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan US Department of State untuk menjalankan program pertukaran kepakaran bersama rakan utiliti air di Vietnam, Thailand dan Malaysia dengan tiga syarikat utiliti air di US antaranya adalah DC Water di bawah program U.S. - ASEAN Water Smart Engagements Partnership.

Program WiSE ini adalah bertujuan untuk meningkatkan *water security* di Asia Tenggara dengan mewujudkan hubungan antarabangsa antara syarikat utiliti air serta melaksanakan pemindahan teknologi dan pengetahuan antara US dan negara ASEAN.

Menerusi program ini, PDT mewakili Kerajaan Negeri Johor telah bekerjasama dengan syarikat utiliti iaitu DC Water. Beberapa perbincangan dan perjumpaan telah diadakan secara tahunan sejak tahun 2021 bagi memastikan pemindahan teknologi dan pengetahuan dapat direalisasikan antara dua pihak.

Water Federation's Technical Exhibition and Conference (WEFTEC)



Persidangan WEFTEC 2021 telah memberi peluang kepada PDT berada di pentas antarabangsa dan Johor menjadi satu-satunya wakil dari Asia Tenggara menyertai persidangan tersebut yang diadakan di Chicago, Amerika Syarikat. Penyertaan PDT dalam persidangan ini adalah mewakili delegasi Kerajaan Negeri Johor menerusi program WiSE.

Ketua Eksekutif (Kumpulan) PDT, Yang Berhormat Dato' Ramlee A Rahman telah diundang sebagai salah seorang panel iaitu WiSE Program Panel Talk on Public, Private or Hybrid : Models of Success for Water Utilities in a Changing World. Sesi ini membincangkan manfaat dan cabaran melibatkan perniagaan utiliti air ketika dunia menghadapi cabaran Covid-19, perubahan iklim dan urbanisasi.

Persidangan tersebut turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Special Water, Haji Zulkiflee Abas; Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ), Haji Mohd Riduan Md Ali; Timbalan Presiden Korporat dan Kewangan PDT, Dzulkifly Hassan, Timbalan Presiden Penyelidikan dan Pemantauan Projek, Azman Jaafar dan Pengarah Projek Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), Haji Isa Abu Bakar.



USWP adalah kerjasama awam-swasta (PPP) berpusat di Amerika Syarikat yang ditubuhkan bertujuan **untuk menyatukan kepakaran, pengetahuan dan sumber daya bagi menangani isu air di seluruh dunia**



Pada 2022, PDT sekali lagi berpeluang menyertai WEFTEC 2022 yang diadakan di New Orleans, Louisiana, Amerika Syarikat. Ketika itu, delegasi Kerajaan Negeri Johor diwakili anak syarikat kumpulan PDT iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Johor Sdn. Bhd., Haji Mohd Riduan Md Ali. Beliau turut diundang menjadi salah seorang panel WiSE Panel Talk on "Water Smart Engagements : Utility Twinning for Water Security.

WEFTEC 2022 turut dihadiri Timbalan Presiden Komunikasi, Pentadbiran dan Sumber Manusia, Noor' Azmi Md Omar, Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Johor, Haji Joharudin Samion; Pengurus Kanan Johor Special Water, Ismail Yunus dan Ketua Jabatan Penyelidikan PDT, Muhammad Danial Ariff Burhanuddin.



Tenaga & Persekitaran

Pemasangan Solar di Bangunan PBT Negeri Johor



Pada tahun 2018, PDT mula menceburi sektor tenaga & persekitaran selaras dengan inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Tenaga yang telah memperkenalkan program *Supply Agreement for Renewable Energy (SARE)*

Program ini merupakan salah satu hasrat kerajaan untuk memanfaatkan tenaga yang boleh diperbaharui melalui industri solar, selain mempromosi serta menggalakkan penggunaan tenaga solar domestik di seluruh negara di samping merealisasikan agenda Masyarakat Rendah Karbon khususnya di negeri Johor.

Pihak Terlibat

Pemilik Bangunan	15 PBT
Pembiaya Projek	United Solar Energy (M) Sdn. Bhd.
Agen Pengebilan	Tenaga Nasional Berhad

Tempoh Konsesi PDT-USEM	20 Tahun
--------------------------------	----------

MANFAAT SOLAR (bagi tempoh hayat solar sepanjang 25 Tahun)

Purata Penjimatan Bulanan	20%
Anggaran Nilai Penjimatan	RM59 Juta
Peratus Impak Pengurangan Karbon	61%





◆ Sektor Minyak & Gas



PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri sebagai peneraju utama dalam pembangunan Sektor Minyak dan Gas di Negeri Johor



PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd.

Dialog Group Berhad

PDT Oil & Gas Services Sdn. Bhd.



PDT O&G telah diberikan mandat dan kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Johor menjadi *focal point* bagi penglibatan di dalam kerja-kerja pengoperasian dan penyelenggaraan (O&M) pembangunan hub minyak dan gas di Pengerang Integrated Complex (PIC), Pengerang Johor



Di awal penubuhannya pada tahun 2018, terdapat tujuh (7) anak syarikat di bawah PDT O&G dan tiga (3) anak syarikatnya mempunyai kontrak O&M di Pengerang Integrated Complex, Johor bersama pihak Petronas dan kontraktor TA4MS :

PDT Ascend Sdn. Bhd.

Perkhidmatan *Heavy Lifting*
dan *Vacuum Truck*

PDT Scaffold Engineering Sdn. Bhd.

Perkhidmatan Pemasangan *Scaffolding*,
Equipment Rental dan *Safety Equipment Provider*

PDT Techniques Sdn. Bhd.

Perkhidmatan *Asset Integrity*
dan *Non-Destructive Test*

Kontrak O&M ini telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat khususnya di Pengerang.

Pengalaman PDT O&G dalam kerja pengopersian dan penyelenggaraan PIC sejak 2019 sehingga 2022 telah memberi portfolio yang tinggi kepada PDT O&G untuk sama-sama bersaing dengan pemain utama dalam industri minyak dan gas.

PDT O&G berharap dapat diberikan peluang yang lebih baik dan akan terus sentiasa meningkatkan mutu dan perkhidmatannya selaras dengan kepesatan ekonomi yang semakin pulih dan berkembang pesat bagi industri minyak dan gas di Negeri Johor.

Dialog Group Berhad



PDT sebagai syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor telah diamanahkan untuk memegang 10% *ordinary shares* bagi pihak Kerajaan Negeri Johor dalam tiga (3) syarikat di bawah Dialog Group Berhad

Pada tahun 2007, Dialog telah memilih Pengerang sebagai lokasi yang strategik bagi pembangunan Terminal Laut Dalam Petroleum yang boleh membawa masuk Very Large Crude Carrier (VLCC) kerana :



Kedudukannya Bersebelahan Dengan *International Shipping Lanes*



Merupakan Pelabuhan Semulajadi Yang Terlindung;



Kemudahan Jeti Laut Dalam Dengan Kedalaman 24 meter



Tiada Sejarah Kejadian Puting Beliung Dan Gempa Bumi



Boleh membawa masuk VLCC bersaiz 300 ribu DWT (*Dead Weight Tonnage*)



Jarak Ke Hab Penapisan dan Petrokimia Utama Singapura yang dekat





Pengerang Independent Terminal (PITSB)

PITSB telah diberi tanggungjawab bagi membangunkan Fasa 1 Terminal Laut Dalam Petroleum. Ia telah beroperasi sejak April 2014 bagi mengendalikan, menyimpan, mengadun dan mengagihkan Crude Oil dan Produk Petroleum dengan kapasiti simpanan minyak sebanyak 1.7 juta m³ yang turut dilengkapi oleh fasiliti khusus jeti laut dalam.

Pengerang Terminal (Two) (PT2SB) & Pengerang LNG2 (PLNG2)

Pembangunan Fasa 2A iaitu melibatkan pembinaan Terminal Petrokimia dibangunkan oleh PT2SB dan telah beroperasi sejak September 2018 bagi mengendalikan, menyimpan, mengadun dan mengagihkan Crude Oil, Petroleum, Chemical & Petrochemical Feedstock, Products and by-products untuk RAPID dengan kapasiti simpanan sebanyak 1.3 juta m³.

Sementara itu, pembangunan Fasa 2B oleh PLNG2 melibatkan pembinaan Terminal LNG telah mula beroperasi sejak November 2017 dengan kemudahan regasifikasi gas cecair asli (LNG) yang mempunyai 2 unit tangki LNG berjumlah 200,000 m³ setiap satu.



♦ Sektor Infrastruktur & Hartanah



PDT telah diberikan mandat dan tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek khas Kerajaan Negeri Johor selaras dengan dasar pembangunan Sektor Infrastruktur dan Hartanah di Negeri Johor



ECO BOTANIC 2

DESARU COST

CITY CENTRE TRANSFORMATION (JB) SDN BHD

Eco Botanic 2



Eco Botanic 2 merupakan projek khas bagi menampung permintaan perumahan di Iskandar Puteri bagi golongan M40



Eco Botanic 2 adalah cadangan pembangunan perumahan serta komersil yang dibangunkan di atas tapak tanah seluas 200 ekar dan mempunyai tahap aksesibiliti yang tinggi dan dihubungkan terus dengan Lebuhraya Pesisir Pantai dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia – Singapura serta dikelilingi oleh kawasan perumahan, pusat perdagangan dan Pendidikan seperti Educity, Legoland dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar.



Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya projek ini dibangunkan sebagai pembangunan bercampur bagi menampung permintaan perumahan terutamanya di kawasan Iskandar Puteri. Pihak pemaju iaitu Eco World Development Group Berhad menyokong hasrat Kerajaan Negeri ini dan telah bekerjasama dengan PDT melalui anak syarikat Eco World iaitu Melia Spring Sdn Bhd.

Pelaksanaan projek ini merangkumi tiga fasa iaitu Presint 1, Presint 2 dan Presint 3 dan Bangunan Komersil.

Keluasan Pembangunan 200 Ekar

Harga Rumah

M40 Bumiputera RM 600 Ribu - RM900 Ribu
RM520 Ribu - RM 833 Ribu

Pelancaran Projek

Presint 1 Mac 2021
Presint 2 Mac 2021
Presint 3 Jangkaan April 2023
Bangunan Komersil Jangkaan April 2023

Jualan Unit Rumah 85 %
(purata unit jualan keseluruhan Tahun 2022)



DESARU COAST



DESARU COAST

JOHOR . MALAYSIA



Pemilikan 30% saham Desaru Coast oleh PDT sejak 21 Jun 1995 adalah merupakan salah satu pelaburan strategik kepada Kerajaan Negeri Johor bagi tanah-tanah kerajaan negeri yang terlibat dalam cadangan Pembangunan Desaru Coast



Desaru yang terletak 100 kilometer dari bandar raya Johor Bahru merupakan satu destinasi pelancongan yang sangat popular dengan pantai yang bersih, padang golf yang hebat dan daya tarikan yang unik. Ia lebih dikenali sebagai kawasan pantai dan tempat peranginan dengan nama lainnya iaitu 'Tanah Casuarina' melambangkan pemandangan pokok-pokok ru yang kelihatan di sepanjang pantai.

Projek pembangunan Desaru Coast berjaya memperkukuhkan lagi kedudukan Desaru sebagai destinasi pusat pelancongan antarabangsa. Keindahan hutan semula jadi, ditambah dengan pemandangan Laut China Selatan dan lokasi Desaru yang strategik telah menjadikannya sebuah destinasi yang menarik serta menawan hati para pelancong dari dalam dan luar negara.

Melalui kerjasama pihak korporat dalam pembangunan Desaru Coast, ianya secara tidak langsung memberi nafas baharu kepada Desaru dan usaha itu telah menyaksikan ribuan peluang pekerjaan dicipta bagi anak muda tempatan dalam industri pelancongan.

Pembangunan Desaru Coast merupakan pembangunan industri pelancongan dan perhotelan iaitu:

Keluasan Pembangunan 3,453.7 Ekar

Pembangunan Desaru Coast

Penginapan Mewah Resort One & Only
The Westin Hotel
Hard Rock Hotel

Pusat Peranginan Desaru Coast Riverside

Teman Tema Air Desaru Adventure Waterpark

Kemudahan Feri CIQ Ferry Terminal

CITY CENTRE TRANSFORMATION (JB) SDN. BHD.



Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Johor Bahru 2020 dan Rancangan Johor Bahru 2020 (Pengubahan) telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Johor pada 13 Januari 2002 dan 16 Ogos 2012.



Berdasarkan kepada RTD Johor Bahru 2020 tersebut, pihak City Centre Transformation (JB) Sdn Bhd telah mengemukakan **Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Jalan Storey (Kim Teng Park) melalui Pengambilan Balik Tanah (PBT)**



Lokasi cadangan ini termasuk dalam Cadangan Pembangunan Semula Pusat Bandar Johor Bahru yang terletak bersebelahan dengan pintu masuk negara daripada Singapura dan juga Ibrahim International Business District (IIBD).

Sebagai pembangunan pertama yang akan dilihat oleh pelabur dan pelancong ketika memasuki Johor melalui Singapura, cadangan ini bakal menjadi salah satu Jewel of Johor yang dapat mempamerkan imej Johor sebagai sebuah negeri membangun dan maju.

Keluasan tanah yang dicadangkan adalah 32.17 ekar dengan 291 plot rumah yang akan terlibat dalam proses PBT.



♦ Sektor Perniagaan & Pelaburan Strategik



PERBADANAN
USAHAWAN
Johor Sdn Bhd
(KUMPULAN PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN BHD)



“

PDT turut memberikan tumpuan kepada perniagaan dan pelaburan strategik yang dapat memberikan pulangan bagi menjamin masa akan datang. Usaha yang dilaksanakan PDT bagi memperkukuhkan potensi dan keupayaan anak syarikat kumpulan PDT adalah penerokaan peluang perniagaan baharu bersama rakan strategik yang kompeten serta pemain industri berpengalaman luas

”

Johor Centre for Construction Development Sdn. Bhd.



PDT menerusi JCCD telah diberikan mandat oleh Kerajaan Negeri Johor untuk **membangunkan dan memperkasakan tahap kompetensi kontraktor Johor**



JCCD bertanggungjawab mewujudkan satu pangkalan data yang dinamakan Sistem Kontraktor Johor (SKJ) bagi memantau serta memperkukuhkan industri pembinaan dan kualiti kontraktor di seluruh negeri Johor.

Sepanjang tahun 2022, JCCD telah melaksanakan dan menyelia pelbagai program untuk pembangunan kontraktor berdasarkan kepada tiga (3) teras utama perniagaannya iaitu :

- ◆ **Peningkatan Keupayaan**
- ◆ **Peningkatan Peluang**
- ◆ **Peningkatan Persekitaran Industri**

Program anjuran JCCD ini sedikit sebanyak dapat mempertingkatkan kepakaran teknikal, kemahiran pengurusan dan memberi pengalaman kepada para kontraktor di samping mendapat peluang pendedahan kepada projek-projek mega di Johor.



**Telah Berdaftar
Dalam Sistem SKJ JCCD**

JCCD turut berperanan sebagai pusat pengurusan maklumat dan sumber rujukan industri di samping menjadi pemudahcara dalam semua bidang termasuklah dana dan khidmat pakar. Melalui inisiatif ini, laman web JCCD, www.jccd.com.my telah dibangunkan untuk menjadi salah satu pusat sehati bagi menghubungkan kontraktor, pemain industri, pembekal dan agensi tempatan untuk para pengguna memperoleh maklumat berkaitan dengan industri pembinaan secara menyeluruh.

Program di peringkat antarabangsa yang telah disertai oleh JCCD adalah Johor Week Dubai Expo 2020 di Dubai UAE pada bulan Mac 2020 dan menganjurkan Johor Contractor Award 2020 bagi mengiktiraf para kontraktor di Negeri Johor pada April 2021.

Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd.



PDT menerusi PUJB telah diberikan mandat untuk **memperkasakan dan meningkatkan keupayaan usahawan Johor** yang bertanggungjawab sebagai Penyedia Program Keusahawanan di Negeri Johor



**Memberi
Manfaat Kepada**

109,000
Usahawan Johor
(2016 - 2022)

PUJB telah melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan seperti latihan, bantuan geran perniagaan dan padanan perniagaan dengan peruntukan dana yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Peranan Utama PUJB

Pelaksana Program Pembangunan Keusahawanan Johor

Memberikan latihan, khidmat nasihat dan bantuan perniagaan bagi perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana di Negeri Johor.

Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor

Dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Sewaan Lot Komersil Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI)

Menguruskan sewaan 278 unit lot komersil kepada para usahawan di enam buah daerah seluruh negeri Johor iaitu Johor Bahru, Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar dan Kota Tinggi.



Johor Economic, Tourism & Cultural Office Singapore Pte. Ltd.



PDT terus diberi kepercayaan melalui JETCO oleh Kerajaan Negeri Johor untuk **mempromosikan Johor sebagai destinasi pelaburan, perdagangan, pelancongan dan kebudayaan** yang bertaraf global di Singapura



Aktiviti promosi yang telah dilaksanakan oleh JETCO sepanjang tahun 2022 adalah :

Penyertaan Program Berimpak Tinggi di Peringkat Antarabangsa

- Singapore Business Show
- Temasek Foundation Asia Leaders Connect 2022
- Internationale Tourismus-Börse (ITB) Asia 2022

Penyertaan Ekspo dan Libat Urus di Singapura

- Penyertaan tiga (3) ekspo di Singapura berkaitan pelaburan dan pelancongan
- Sesi libat urus bersama 17 agensi di Singapura iaitu 7 Agensi Kerajaan Malaysia yang beroperasi di Singapura dan 10 agensi Singapura

Penganjuran Lawatan Promosi Singapura ke Johor

- Lawatan promosi perkhidmatan feri dari Singapura ke Desaru Coast dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan agensi terlibat
- Lawatan bersama portal media Singapura ke empat daerah di Johor

Analisis Pembangunan & Pengurusan Hartanah



Janaan hasil melalui harta tanah dan aset tetap memberi impak positif kepada PDT. Justeru, sektor HPSSI komited dalam menarik pelabur melalui aset milik syarikat.

Tahun 2022 menyaksikan keyakinan aliran tunai daripada kalangan pelabur masih menguncup berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh situasi ekonomi lain masih dalam keadaan berwaspada.

Berdasarkan pergerakan masuk pelaburan ke dalam Negeri Johor, ia memberi indikator bahawa ekonomi sedang bergerak dengan kadar perlahan tetapi terus meyakinkan akan dapat memacu empat teras perniagaan yang telah diperkenalkan oleh PDT.



Tahun 2022 menyaksikan keyakinan aliran tunai daripada kalangan pelabur masih menguncup berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh kerancakan ekonomi lain masih dalam keadaan berwaspada



Ambok Nani Bin Muhamad Nor

Timbalan Presiden (Kumpulan),
Hartanah & Projek




Inventori Hartanah

39

Jumlah Keseluruhan Hartanah

Didaftarkan di atas nama Permodalan Darul Ta'zim



Hartanah Kategori
Pertanian

33 Plot



Hartanah Kategori
Bangunan

3 Plot



Hartanah Kategori
Perusahaan/Perindustrian

1 Plot



Unit Kedai
Pejabat 2 Tingkat

6 Plot

Kaedah Perolehan Tanah

22

Pembelian

17

Kurniaan




Kategori Tanah Mengikut Daerah

Daerah	Kategori	Syarat Nyata	Bil. Plot Tanah	Jumlah Keluasan
Johor Bahru	Pertanian	Taman Dusun	3	2.372 Hektar
		Taman Getah	1	2.372 Hektar
	Bangunan	Kedai Pejabat 2 Tingkat	5	715 Meter ²
	Bangunan	Stesen Pam Minyak	1	325.160 Meter ²
	Industri	Industri Berat	1	0.807 Hektar
Kulai	Pertanian	Tanaman Getah	1	1.618 Hektar
	Bangunan	Stesen Pam Minyak	1	1,823.68 Meter ²
Kota Tinggi	Pertanian	Tanaman Kelapa Sawit	4	52.800 Hektar
		Tanaman Kelapa	3	7.562 Hektar
		Tanaman Getah	1	3.525 Hektar
		Tanaman Dusun	5	5.506 Hektar
	Bangunan	Kedai Pejabat 2 Tingkat	1	148 Meter ²
Muar	Pertanian	Tanaman Getah	2	5.557 Hektar
		Tanaman Kelapa	1	0.981 Hektar
Kluang	Pertanian	Tanaman Kelapa Sawit	8	829.726 Hektar
	Bangunan	Stesen Pam Minyak	1	1,147 Meter ²



Prestasi Hasil Tahun 2022



Prestasi Hasil Bagi Tahun 2021-2022

Kategori Hasil		2021 (RM)	2022 (RM)
Pajakan	'Lump-Sum'		1,500,000.00
	Staggered	1250.00	1250.00
Sewaan		168,821.60	159,315.00
Jumlah Hasil		165, 071.60	1,660,385.00



Penjualan Kuarters Kerajaan



5%

**Hasil Daripada
Nilai Jualan Seunit**

MMKJ Bil. 1451/2017
bertarikh 9 Ogos 2017

143

**Unit Kuarters
Keseluruhan**

98

**Selesai
Proses Jualan**

45


**Masih Dalam
Proses Jualan**

RM

610,560.15

Jumlah Keseluruhan Kutipan

Hasil (5%) Daripada Penjualan Kuarters



**Pajakan Tanah PTD 3446,
Mukim Ulu Sungai Sedili Besar,
Daerah Kota Tinggi**



RM

3,500,000.00

**Pajakan Tanah 30 Tahun
Syarikat Kreatif Premium Sdn. Bhd.**

PTD 3446
110.000 Ekar
Mukim Hulu Sungai Johor, Daerah Kota Tinggi

RM 1,000,000.00

Bayaran pertama ketika menandatangani
perjanjian pajakan

RM 500,000.00

Bayaran setelah tambah syarat nyata
tanah selesai

RM 100,000.00

Tambahan 'recurring income' tahunan
selama 20 tahun



PRESTASI TAHUN 2022

Analisis Laporan Prestasi Kewangan	71
Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas	72
Penilaian Prestasi Syarikat	73 - 81

Analisis Laporan Prestasi Kewangan



Kedudukan kewangan PDT dan kumpulan PDT pada tahun 2022 menunjukkan prestasi cemerlang iaitu masing-masing melonjak sebanyak sembilan dan 27 kali ganda berbanding 2021. Pencapaian ini membuktikan kemampuan PDT dan kumpulan PDT menjana keuntungan berlipat kali ganda selepas ekonomi kembali pulih daripada ancaman COVID-19

Peningkatan pendapatan bagi tahun 2022 adalah daripada aktiviti-aktiviti operasi dengan kejayaan syarikat menjana pendapatan sebagaimana dibajetkan mengikut teras perniagaan PDT dan kumpulan PDT.

PDT turut berupaya menyelesaikan sebahagian besar liabiliti semasa syarikat pada tahun 2022. Kejayaan ini telah menjadikan nisbah penggearan PDT kini kekal positif dan bertambah baik serta memberikan gambaran kedudukan syarikat yang cukup baik bagi membiayai liabiliti iaitu tanggungan syarikat.

Pencapaian-pencapaian ini telah berupaya menyumbang kepada keutuhan kewangan syarikat secara berterusan untuk tempoh beberapa tahun akan datang.



**Kedudukan Kewangan
PDT dan Kumpulan PDT
Pada Tahun 2022
Menunjukkan **Prestasi
Cemerlang** iaitu
Masing-Masing
**Melonjak Sembilan Dan
27 Kali Ganda**
Berbanding Tahun 2021**



Dzul kifly Bin Hassan

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Korporat & Kewangan



Kenyataan Laporan Juruaudit Bebas

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. terdiri daripada penyata kedudukan kewangan sehingga 31 Disember 2022 untuk peringkat Kumpulan dan Syarikat yang disatukan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat yang disatukan bagi tahun berakhir 2022 tersebut.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada masa itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Pendapat Asas

Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Antarabangsa mengenai pengauditan. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain untuk kandungan laporan ini. Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diaudit oleh juruaudit lain yang dinyatakan berdasarkan pendapat tidak diubahsuai ke atas penyata kewangan ini pada 23 Februari 2022.

SALIHIN
AF1426
AKAUNTAN BERTAULIAH

KUZAIMI BIN ABDULLAH
NO. 02417/2023 J
AKAUNTAN BERTAULIAH

BERTARIKH:
Johor, Malaysia



Keuntungan Selepas Cukai



2021
RM 1,240,717

2022
RM 34,270,743



2021
(RM 2,387,162)

2022
RM 19,047,542

Pendapatan



2021
RM 54,241,545

2022
RM 84,735,430



2021
RM 10,672,587

2022
RM 22,097,925



**Jumlah
Aset 2022**

Kumpulan PDT



RM 562.26 Juta
2021
RM 595,001,119

PDT



RM 178.15 Juta
2021
RM 220,213,696



**Jumlah
Liabiliti 2022**

Kumpulan PDT



RM 35.77 Juta
2021
RM 122,130,419

PDT



RM 15.95 Juta
2021
RM 97,282,495



**Jumlah
Ekuiti 2022**

Kumpulan PDT



RM 526.49 Juta
2021
RM 472,870,700

PDT



RM 162.21 juta
2021
RM 122,931,201



**Margin Keuntungan
Selepas Cukai
2022**

Kumpulan PDT



40.44 %
2021
2.28 %

PDT



86.20 %
2021
-22.37 %



**Gearing
Ratio**

Kumpulan PDT



0.07 : 1
2021
0.26 : 1

PDT



0.1 : 1
2021
0.8 : 1



Penyata Pendapatan

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM) <i>Dinyatakan Semula</i>	2022 (RM)	2021 (RM)
Pendapatan	55,454,477	38,062,423	4,577,045	3,722,243
Kos Operasi	(39,693,210)	(21,849,999)	-	-
Untung Kasar	15,761,267	16,212,424	4,577,045	3,722,243
Pendapatan Operasi Lain Perbelanjaan Pentadbiran	28,954,617 (27,976,109)	16,121,854 (24,966,642)	17,520,880 (10,460,280)	6,950,344 (8,735,047)
Keuntungan Daripada Operasi	16,739,775	7,367,636	11,637,645	1,937,540
Pendapatan Pelaburan Kos Kewangan	326,336 (458,014)	57,268 (358,198)	- (217,884)	- (226,871)
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	16,608,097	7,066,706	11,419,761	1,710,669
Zakat	(452,367)	(584,629)	(330,519)	(65,826)
Keuntungan Sebelum Cukai & Selepas Zakat	16,155,730	6,482,077	11,089,242	1,644,843
Kredit Cukai / (Belanja Cukai)	18,115,013	(5,241,360)	7,958,300	(4,032,005)
Keuntungan Tahun Ini	34,270,743	1,240,717	19,047,542	(2,387,162)
Keuntungan Diatribut Kepada:				
Pemilik Syarikat	33,210,372	(131,075)	-	-
Kepentingan Tidak Mengawal	1,060,371	1,371,792	-	-
	34,270,743	1,240,717	19,047,542	(2,387,162)



Penyata Kewangan

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM) <i>Dinyatakan Semula</i>	2022 (RM)	2021 (RM)
Aset				
Aset Bukan Semasa				
Harta Tanah, Loji & Peralatan	45,884,608	46,363,034	41,881,706	42,560,698
Hak Penggunaan Aset	417,561	956,538	-	-
Pelaburan Dalam Anak Syarikat	-	-	1,000,209	1,000,209
Pelaburan Syarikat Bersekutu	2,000,036	2,000,036	8,000,035	8,000,035
Goodwill	334,840,111	334,840,111	-	-
Aset Cukai Tertunda	-	171,678	-	-
Aset Kewangan Lain	30,240,346	58,996,618	30,240,346	58,996,618
Perdagangan & Penghutang Lain	25,025,643	25,775,643	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa	438,408,305	469,103,658	81,122,296	110,557,560
Aset Semasa				
Inventori	200,189	87,201	-	-
Perdagangan & Penghutang Lain	5,798,873	19,031,342	1,748,637	16,227,902
Deposit & Bayaran Pendahuluan	7,205,543	3,786,510	338,227	262,872
Jumlah Hutang Daripada Anak Syarikat	-	-	12,180,378	14,177,370
Aset Lewangan Lain	3,591,438	-	-	-
Tunai & Kesetaraan Tunai	46,921,674	42,951,626	22,765,353	18,987,992
Cukai Boleh Diperolehi	129,831	40,782	-	-
	63,847,548	65,897,461	37,032,595	49,656,136
Aset dipegang Untuk Dijual	60,000,000	60,000,000	60,000,000	60,000,000
Jumlah Aset Semasa	123,847,548	125,897,461	97,032,595	109,656,136
Jumlah Aset	562,255,853	595,001,119	178,154,891	220,213,696



Penyata Kewangan

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2021 (RM)
		<i>Dinyatakan Semula</i>		
Ekuiti dan Liabiliti				
Ekuiti Yang Boleh Diatributkan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat				
Modal Saham	1,000,002	1,000,002	1,000,002	1,000,002
Rizab Nilai Saksama	(13,430,651)	(33,659,368)	(13,430,651)	(33,659,368)
Rizab Penilaian Semula	72,661,948	72,661,948	72,661,948	72,661,948
Untung Tertahan	461,766,416	429,711,270	101,976,161	82,928,619
	521,997,715	469,713,852	162,207,460	122,931,201
Kepentingan Tidak Mengawal	4,492,445	3,156,848	-	-
Jumlah Ekuiti	526,490,160	472,870,700	162,207,460	122,931,201
Liabiliti Bukan Semasa				
Liabiliti Pajakan	417,304	578,220	-	-
Peminjaman	6,950,445	6,919,794	4,571,539	4,544,241
Sewa Pajakan Tanah Diterima Lebih Awal	7,699,836	6,849,410	7,699,836	6,849,410
Liabiliti Cukai Tertunda	26,700	7,958,300	-	7,958,300
Lain-lain Liabiliti Tertunda	3,420,764	3,420,764	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	18,515,049	25,726,488	12,271,375	19,351,951
Liabiliti Semasa				
Perdagangan & Hutang Lain	7,378,687	4,408,071	1,469,538	2,886,502
Jumlah Hutang Kepada Perbadanan	1,993,538	69,000,004	1,993,538	69,000,004
Liabiliti Pajakan	291,965	277,518	-	-
Peminjaman	2,695,980	702,981	212,980	422,483
Lain-lain Liabiliti Tertunda	1,857,195	3,846,079	-	-
Pendapatan Tertunda	2,243,818	163,360	-	-
Liabiliti Cukai Semasa	789,461	18,005,918	-	5,621,555
Jumlah Liabiliti Semasa	17,250,644	96,403,931	3,676,056	77,930,544
Jumlah Liabiliti	35,765,693	122,130,419	15,947,431	97,282,495
Jumlah Ekuiti & Liabiliti	562,255,853	595,001,119	178,154,891	220,213,696



Aliran Tunai

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM) <i>Dinyatakan Semula</i>	2022 (RM)	2021 (RM)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Untung sebelum cukai	16,155,730	6,482,077	11,089,242	1,644,843
Pelarasan untuk:				
Pelunasan Pegangan Pajak Tanah	155,224	155,223	155,224	155,223
Susut Nilai Harta Tanah, Loji & Peralatan	2,468,375	1,456,870	1,018,121	795,013
Susut Nilai Hak Penggunaan Aset	230,307	329,144	-	-
Saham Dividen	48,984,989	(1,066,166)	48,984,989	(1,066,166)
Hasil Pelupusan Hak Penggunaan Aset	-	(500)	-	-
Elaun Untuk Rosotnilai Perdagangan Belum Terima	76,829	-	-	-
Hapus Kira Harta Tanah, Loji & Peralatan	-	3,633	-	-
Faedah perbelanjaan	458,014	358,198	217,884	226,871
Geran kerajaan:				
• Terlunas	(1,324,265)	(123,882)	-	-
• Dipadankan Dengan Kos Bertujuan Untuk Pampasan	(9,944,356)	(8,983,676)	-	-
• Faedah Pendapatan	(326,336)	(57,268)	-	-
Penarik Balikan Bagi Peruntukan Hutang Ragu	-	(29,370)	-	-
Sewa Pajak Tanah Yang Diterima Terlebih Dahulu & Diiktiraf	(149,574)	(149,574)	(149,574)	(149,574)
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	56,784,937	(1,625,291)	61,315,886	1,606,210
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja b/h	56,784,937	(1,625,291)	61,315,886	1,606,210



Aliran Tunai

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2021 (RM)
		<i>Dinyatakan Semula</i>		
Untung/(Rugi) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja b/h	56,784,937	(1,625,291)	61,315,886	1,606,210
(Peningkatan)/Penurunan Di Dalam Inventori	(112,988)	173,339	-	-
Penurunan Dalam Perdagangan & Penerimaan Lain	11,807,217	2,816,341	14,479,265	3,900,504
Peningkatan Dalam Deposit & Bayaran Terdahulu	(125,519)	-	(75,355)	-
Penurunan Jumlah Hutang Daripada Anak Syarikat	-	-	1,996,992	1,326,947
Penurunan Dalam Perdagangan & Hutang Lain	(2,018,169)	(77,764,879)	(1,416,964)	(74,449,836)
(Penurunan)/Peningkatan Dalam Jumlah Hutang Kepada Perbadanan	(67,230,860)	68,000,000	(67,006,466)	68,000,000
Aliran Tunai Dalam Operasi	(895,382)	(8,400,490)	9,293,358	383,825
Faedah Pendapatan	326,336	57,268	-	-
Faedah Dibayar	(458,014)	(358,198)	(217,884)	(226,871)
Cukai dibayar	(6,950,415)	(808,637)	(5,621,555)	-
Aliran Tunai (Keluar)/Masuk Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(7,977,475)	(9,510,057)	3,453,919	156,954
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Perolehan Saham Daripada Kepentingan Tidak Mengawal	-	(30,000)	-	-
Pembelian Harta Tanah, Loji & Peralatan	(702,697)	(2,905,256)	(494,353)	(2,496,404)
Pembelian Hak Penggunaan Aset	(460,691)	-	-	-
Hasil Daripada Pelupusan Hak Penggunaan Aset	218,500	500	-	-
Pembelian Saham Dalam Anak Syarikat	-	(3)	-	(3)
Aliran Tunai Keluar Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(944,888)	(2,934,759)	(494,353)	(2,496,407)



Aliran Tunai

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM) <i>Dinyatakan Semula</i>	2022 (RM)	2021 (RM)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan				
Penerimaan Geran	10,015,230	6,576,342	-	-
Pajakan Tanah Diterima Lebih Awal	1,000,000	-	1,000,000	-
Liabiliti Pajakan Diperolehi	350,000	-	-	-
Pengeluaran Pinjaman Jangka Pendek	2,425,409	-	-	-
Hasil Daripada Pelupusan Liabiliti Pajakan	(217,782)	-	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	(401,759)	(345,097)	(182,205)	(210,365)
Pembayaran Balik Liabiliti Pajakan	(278,687)	(229,615)	-	-
Aliran Tunai Masuk (Keluar) Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	12,892,411	6,001,630	817,795	(210,365)
Kenaikan/(Penurunan) Bersih Dalam Tunai & Kesetaraan Tunai	3,970,048	(6,443,186)	3,777,361	(2,549,818)
Tunai & Persamaan Tunai Pada Awal Tahun	42,951,626	49,394,812	18,987,992	21,537,810
Tunai & Setara Tunai Pada Akhir Tahun	46,921,674	42,951,626	22,765,353	18,987,992
Tunai & Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Terdiri Daripada:				
Tunai & Baki Bank	33,043,541	12,326,024	4,000,000	6,987,992
Deposit Tetap Dengan Bank Berlesen	13,878,133	30,625,602	18,765,353	12,000,000
	46,921,674	42,951,626	22,765,353	18,987,992



Aliran Tunai

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2022 (RM)	2021 (RM) <i>Dinyatakan Semula</i>	2022 (RM)	2021 (RM)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan				
Penerimaan Geran	10,015,230	6,576,342	-	-
Pajakan Tanah Diterima Lebih Awal	1,000,000	-	1,000,000	-
Liabiliti Pajakan Diperolehi	350,000	-	-	-
Pengeluaran Pinjaman Jangka Pendek	2,425,409	-	-	-
Hasil Daripada Pelupusan Liabiliti Pajakan	(217,782)	-	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	(401,759)	(345,097)	(182,205)	(210,365)
Pembayaran Balik Liabiliti Pajakan	(278,687)	(229,615)	-	-
Aliran Tunai Masuk (Keluar) Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	12,892,411	6,001,630	817,795	(210,365)
Kenaikan/(Penurunan) Bersih Dalam Tunai & Kesetaraan Tunai	3,970,048	(6,443,186)	3,777,361	(2,549,818)
Tunai & Persamaan Tunai Pada Awal Tahun	42,951,626	49,394,812	18,987,992	21,537,810
Tunai & Setara Tunai Pada Akhir Tahun	46,921,674	42,951,626	22,765,353	18,987,992
Tunai & Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Terdiri Daripada:				
Tunai & Baki Bank	33,043,541	12,326,024	4,000,000	6,987,992
Deposit Tetap Dengan Bank Berlesen	13,878,133	30,625,602	18,765,353	12,000,000
	46,921,674	42,951,626	22,765,353	18,987,992



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Analisis Pembangunan Modal Insan	83 - 88
Transformasi Digital	89 - 90
Program Tanggungjawab Sosial Korporat	91 - 96



Analisis Pembangunan Modal Insan

Dalam sesebuah negara, pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan Inovasi.

Begitu juga kepentingannya bagi kelangsungan sesebuah organisasi. Justeru itu, sebagai organisasi yang mempunyai matlamat melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam aspek kepimpinan dan sahsiah diri, PDT melalui Jabatan Sumber Manusia, Sektor Komunikasi Pentadbiran dan Sumber Manusia telah menggerakkan beberapa program yang berkaitan sepanjang tahun 2022.



Sebagai organisasi yang mempunyai matlamat melahirkan modal insan yang **berkemahiran tinggi dalam aspek kepimpinan dan sahsiah diri**, PDT telah menggerakkan beberapa program yang berkaitan sepanjang tahun 2022.



NOOR' AZMI BIN MD OMAR

Timbalan Presiden (Kumpulan)
Komunikasi, Pentadbiran & Sumber Manusia


PDT telah melalui pelbagai fasa dalam usaha memacu dan menggerakkan operasi syarikat. Perkembangannya menuntut keperluan semasa termasuk pertambahan jumlah kakitangan bagi memastikan operasi syarikat terus diperkukuh. Sehingga tahun 2022, jumlah kakitangan PDT bertambah kepada 58 orang berbanding lima orang pada tahun 2014.

Penempatan kakitangan PDT melibatkan enam sektor iaitu :

- ◆ Sektor Pejabat Ketua Eksekutif
- ◆ Sektor Korporat & Kewangan
- ◆ Sektor Hartanah & Projek
- ◆ Sektor Penyelidikan & Pemantauan Projek
- ◆ Sektor Undang-undang, Kesetiausahaan, & Integriti
- ◆ Sektor Komunikasi, Pentadbiran & Sumber Manusia

Peruntukan **Latihan Kakitangan 2022**

RM
500,000



Nilai Teras PDT :
KAKITANGAN ADALAH KEUTAMAAN KAMI



PDT berazam untuk terus melebarkan sayapnya di selatan tanah air dan salah satu cabaran yang perlu dihadapi adalah pembangunan sumber manusia. Sebagai sebuah kumpulan yang mempunyai cita-cita besar, PDT bergantung kepada kombinasi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran sumber manusia.





Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baharu, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan dunia global yang sering melalui fasa transformasi. PDT juga berusaha untuk memupuk persekitaran pekerjaan yang kondusif, menggalakkan kakitangan untuk terus mendaki lengkungan pembelajaran mereka.

Sejajar dengan matlamat itu, PDT telah memperuntukan sebanyak RM500,000.00 pada tahun 2022 bagi menyediakan latihan kepada kakitangan. Pelbagai program latihan dan pembangunan di dalam dan luar negara telah diatur yang memberi fokus ke arah pengurusan perniagaan, kepimpinan, kemahiran kejuruteraan, undang-undang dan komunikasi memaksimumkan kebolehan kakitangan.

PDT juga menjalankan semakkan imbuhan dan faedah selaras dengan perubahan persekitaran perniagaan. Langkah ini membantu PDT lebih berdaya saing di pasaran serta saksama dalam memberi ganjaran kepada mereka yang berdedikasi dan kompeten.

Jabatan Sumber Manusia mempertimbangkan kepentingan umum kakitangan untuk menggalakkan keseimbangan di antara kerjaya dan kehidupan. Pada tahun 2022, PDT telah menganjurkan program *PDT's Retreat 2022: Thinking Beyond Action* yang menjadi platform kepada pihak pengurusan menyampaikan hala tuju syarikat, menetapkan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI), pembentangan belanjawan serta memperkukuhkan hubungan di antara pihak pengurusan dan kakitangan.

Bagi menggalakkan kakitangan sentiasa aktif dan sihat, PDT turut menyokong program Sukan Mingguan yang dianjurkan oleh Kelab Kakitangan PDT dengan memberi pelepasan sejam awal dari waktu kerja pada setiap hari Khamis.





Senarai Kursus Tahun 2022

Tarikh	Nama Kursus	Anjuran
11 - 12 Januari 2022	Kursus Pengurusan Rekod	PDT & Arkib Negara Malaysia Negeri Johor
23 - 24 Februari 2022	<i>ICA Certificate In Compliance (VILT) - SST</i>	International Compliance Training (Malaysia) Sdn. Bhd.
22 - 24 Februari 2022	<i>Certified Integrity Officer</i>	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
01 - 03 Mac 2022	<i>Certified Integrity Officer</i>	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
08 - 10 Mac 2022	<i>Certified Integrity Officer</i>	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
15 - 17 Mac 2022	<i>Certified Integrity Officer</i>	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
15 Mac 2022	<i>Employee Handbook & Employment Contract</i>	Syamsul Management Consulting (SMC) Asia
8 Mac 2022	<i>Leaders in Economic Development Programme</i>	Temasek Foundation
30 Mac 2022	Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) PDT & Anak Syarikat Kumpulan	Jabatan Integriti & Governans
24 April 2022	Program Motivasi : Produktiviti Kerja & Ramadan Berpisah Tlada	PDT
20 April 2022	<i>Working Hours & Overtime</i>	Syamsul Management Consulting (SMC) Asia
19 Mei 2022	<i>Compliance With Guidelines for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons</i>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
24 - 26 Mei 2022	<i>Company Secretaries Training Programme Essetial 1.0 (Part A, B & C)</i>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
24 - 25 Mei 2022	<i>Microsoft Excel 2016/2019 Intermediate & Advance</i>	Training Art by IK & Jabatan Sumber Manusia
30 - 31 Mei 2022	<i>HR Bootcamp 8.0</i>	
22- 23 Jun 2022	<i>MBRS for Prepares Financial Statements</i>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
29 Jun 2022	<i>Making Effective Decisions and Solving Problems</i>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
13 Jun 2022	<i>Kursus Pemanduan Pemandu</i>	PDT & JKR Mekanikal



27 Jun 2022	Graphic Design 101 For Beginners	MY Iskandar
5 Julai 2022	<i>Domestic Inquiry 3.0</i>	PDT & SMC Consulting
18 Julai 2022	<i>Virtual/Hybrid Johor CEO Roundtable IFRS Sustainability Disclosure Standards</i>	UN Global Compact Network Malaysia & Brunei
16 - 18 Ogos 2022	<i>Certified Professional Cognitive</i>	Pejabat Setiausaha Kerajaan
17 Ogos 2022	Bicara Santai Siri II : Hak Milik Blok, Caj Pemajuan & Perumahan Apa Yang Perlu Difahami ?	Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor
21 - 22 Ogos 2022	Kursus Pengurusan Dokumen	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
24 Ogos 2022	<i>Healthy & Safety Compliance Briefing, IWK Safety Passport & Inspection of Equipments</i>	IWK
25 Ogos 2022	<i>Public Sector Internal Audit Conference 2022</i>	Malaysian Institute of Accountants & The Institute of Internal Auditors
27 Ogos 2022	<i>Preparation, Approval & Circulation of Financial Statements By Directors & Passing Resolutions at Meeting of Members</i>	Malaysian Association of Company Secretaries
31 Ogos 2022	Perbarisan & Perarakan Sambutan Hari Kemerdekaan Yang ke-65	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
5 - 6 September 2022	Perolehan & Tatacara Kewangan Bagi Kumpulan Pelaksana Jabatan Kerajaan Negeri Johor	Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor
13 September 2022	Kursus Pengurusan Sistem Pengurusan	#KIV
15 September 2022	Oil & Gas Asia 2022 @ KLCC	#KIV
19 September 2022	<i>Seminar on Compliance Management Systems</i>	SIRIM QAS
21 September 2022	<i>ISO9001:2015 Interpretation & Implementation of Quality Management Systems</i>	Genius Stem Talent
27 September 2022	<i>Update on Transfer Pricing Documentation Requirements</i>	MICPA Malaysia
28 - 29 September 2022	<i>Market & Feasibility Study For Real Estate Development</i>	UTM CRES
7 - 12 Oktober 2022	<i>Water Environment Federation Technical Conference (WEFTEC) 2022, US</i>	WEFTEC
10 Oktober 2022	Forum Antirasuah & Tatacara Mencukupi	Transparency International Malaysia



17 - 18 Oktober 2022	Kursus Pengenalan Pertolongan Cemas & CPR	PDT
18 Oktober 2022	<i>Compliance With Guidelines For The Reporting Framework For Beneficial Ownership of Legal Persons</i>	SSM
21 Oktober 2022	<i>Clerical Assistant/Officer in Action</i>	SMI Asia Australia
26 Oktober 2022	<i>MBRS-Annual Return</i>	SSM
27 Oktober 2022	<i>AGM, Accountants, Annual Returns Under Companies Act 2016</i>	Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor
1 November 2022	Share Registration Practical Issues	SSM
15 November 2022	<i>Read, Interpret & Analyze Financial Statements For Company Directors & Company Secretaries (Basic Level)</i>	SSM
18 November 2022	<i>Webinar Series : Violations of The Companies Act 2016 : Oversights By Directors and Company Secretaries</i>	MAICSA The Governance Institute
23 November 2022	<i>Practical Secretarial Issues & Challenges 4 - Advising on the Different Types of Business Vehicles</i>	SSM
29 November 2022	<i>Meetings, Minutes & Resolutions - Responsibilities of the Secretary</i>	SSM
6 November 2022	Program Pasca Siswazah UiTMPP	UiTM PP
15 November 2022	Program Pencegahan Kebakaran di Rumah, Jalan Raya & di Tempat Kerja	PPKL
5 Disember 2022	SSM's Guidelines, Practice Notes & Practice Directives-Forget Them at Your Peril	MAICSA The Governance Institute
7 - 8 Disember 2022	<i>Dynamic PA & Secretaries Conference 2022</i>	Comfori Sdn. Bhd.
2 Disember 2022	<i>The Art of Advocacy : Civil Litigation</i>	KLBC Professional Development Centre
6 Disember 2022	<i>DHL GCOE Innovation Day</i>	Asia Pacific Innovation Centre
7 - 8 Disember 2022	ISO 31000:2018, Risk Management - Guidelines	SIRIM STS Sdn. Bhd.
21 - 22 Disember 2022	Kaedah Menulis Laporan & Kertas Cadangan	IPA Training Sdn. Bhd.

Transformasi Digital

Penggunaan ilmu dan teknologi yang lebih intensif serta meluas dalam semua sektor termasuk pengurusan awam dan korporat adalah menjadi keutamaan pada masa kini, sejajar dengan misi negara ke arah K-Ekonomi.

Atas dasar itu, PDT mengorak langkah ke arah transformasi digital bagi meningkatkan produktiviti, efisiensi dan kecekapan dalam proses pengurusan dan pentadbiran syarikat. Sistem operasi digital ini dilaksanakan secara berperingkat bagi menentukan pelaksanaannya bersesuaian dengan matlamat dan keperluan syarikat.



Portal E-Admin



Pada tahun 2022, PDT telah melancarkan portal E-Admin yang membolehkan syarikat mengautomasikan proses perolehan secara atas talian. Portal ini telah digunapakai bermula Disember 2022 oleh semua kakitangan PDT. Melalui inovasi dan transformasi digital ini, proses perolehan syarikat dapat diuruskan secara automatik, mengurangkan kebergantungan kepada kerja manual dan mempercepatkan proses pengurusan perolehan secara keseluruhannya.

E-Admin dapat menjamin ketelusan dan kestabilan pengurusan perolehan. Selain itu, perolehan atas talian dapat membantu pihak pentadbiran mengumpul data, membuat analisis pembelian yang lebih tepat dan menjadikan operasi pentadbiran di PDT lebih efektif dan pantas.

HRMS



Usaha ke arah pendigitalan operasi syarikat terus diperluas. Pada tahun 2022, gerak kerja untuk mengaplikasikan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMS) di PDT mula dilaksanakan. HRMS adalah gabungan sistem dan proses yang menghubungkan pengurusan sumber manusia dengan teknologi maklumat melalui perisian HR.

HRMS boleh membantu merevolusikan tempat kerja dengan menjadikan persekitaran lebih produktif, menjimatkan masa dan juga mewujudkan budaya tanpa kertas. Sistem ini diperlukan bagi menyimpan data pekerja, mengurus gaji, pengambilan pekerja, pentadbiran faedah, masa dan kehadiran, pengurusan prestasi pekerja dan menjejaki rekod kecekapan dan latihan.



Program Tanggungjawab Sosial Korporat

Salah satu Nilai Teras perniagaan PDT adalah **Kerajaan dan Rakyat Adalah Keutamaan Kami**. Berdasarkan teras ini, skop rakyat membawa maksud pelbagai inisiatif dirancang oleh PDT dengan tujuan utama iaitu memberi manfaat kepada rakyat.



Usaha itu digerakkan menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi fokus kepada pendidikan dan pembangunan modal insan. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2015 sehingga 2022 adalah melebihi RM10.5 juta.

Program CSR	Peruntukan (RM)
Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ)	826,427.48
Tabung Pendidikan Sarjana PDT	3,016,000.00
Kursus Jangka Pendek Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	438,000.00
Eskpo Johor Berkemajuan	739,198.90
Kursus Jangka Pendek Guru KAFA	399,530.00
Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana	350,000.00
Insentif Harapan Siswa	2,000,000.00
Projek Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara	100,000.00
Tabung Bencana Negeri Johor (Covid-19)	890,000.00
Sumbangan kepada Khas kepada Agensi Kerajaan / Persatuan / NGO	777,137.50
Sports Johor	1,000,000.00
JUMLAH (RM)	10,536,293.88

Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor



Bagi membantu dan menyokong pelbagai program melibatkan Pegawai Tadbir Negeri Johor (PTNJ) dan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang lain, PDT telah menyumbang lebih RM926,000.00 bagi menggerakkan program-program kepimpinan seperti berikut;

Nama Program

Pendidikan Profesional/Eksekutif di Harvard Kennedy School, USA

Kursus Jangka Pendek di Asian Institute of Management, Manila

Pelan Transformasi PTNJ

Kursus Profesional di Australian Institute of Management, Perth, Australia

Bengkel Penulisan dan Penerbitan Buku Pena Jauhar

Penubuhan Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (JCS Academy)

Kursus Jangka Pendek Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (Leadership Retreat's 2.0 & 3.0)



Tabung Pendidikan Sarjana PDT



Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT) mula diperkenalkan pada 2016 dan telah memberi manfaat kepada 730 pelajar dengan peruntukan lebih RM3.1 juta. TPSPDT adalah bantuan kewangan yang diberikan secara *one-off* kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana, dengan sasaran penerima manfaat dari kalangan golongan kurang berkemampuan B40. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor.

Kursus Jangka Pendek Guru KAFA

Program CSR PDT diperluaskan kepada guru-guru KAFA negeri Johor. Sejak 2017, PDT telah menyokong pelaksanaan Kursus Jangka Pendek Guru KAFA yang diselenggarakan bersama Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Kursus ini dilaksanakan bertujuan meningkatkan kemahiran dan kualiti pengajaran guru-guru KAFA negeri Johor. Sehingga kini, lebih 1,400 guru telah menerima manfaat dan hampir RM400,000.00 telah dibelanjakan bagi menjayakan program ini.



Tabung Pendidikan Sarjana PDT



Tabung Pendidikan
★
**KAKITANGAN KERAJAAN
KUMPULAN PELAKSANA**
★
Permodalan Darul Ta'zim

Pada 2018, PDT memperkenalkan Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana (TPKKKP) yang diselaraskan bersama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Sehingga 2022, program ini telah memberi manfaat kepada 89 penjawat awam Johor dengan peruntukan sebanyak RM383,000.00. TPKKKP merupakan bantuan kewangan secara *one-off* yang diberikan kepada kakitangan kerajaan kumpulan sokongan dan pelaksana yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.



Tabung Bencana dan Bantuan Khas Agensi Kerajaan & NGO



Usaha membantu meringankan beban masyarakat yang terjejas akibat bencana turut menjadi fokus utama pelaksanaan program CSR PDT. PDT tidak ketinggalan bersama syarikat korporat yang lain dalam menyokong kerajaan membantu meringankan beban masyarakat yang terkesan akibat bencana yang dihadapi khususnya rakyat Johor. Malahan PDT, turut memberi sokongan kepada agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan-persatuan dalam melaksanakan program bantuan untuk komuniti setempat. Program bantuan yang dilaksanakan adalah;

COVID-19

- Sumbangan kepada Kerajaan Negeri menerusi Tabung Bencana Negeri Johor bagi menangani krisis pandemik COVID-19.
- Bantuan Kotak Makanan (Barangan Keperluan Asas) kepada penduduk yang terputus hubungan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- Bantuan kepada petugas barisan hadapan.
- Sumbangan pek makanan dan barangan kebersihan diri kepada gelandangan di sekitar Johor Bahru.

Bantuan Banjir

- Sumbangan barangan keperluan harian di pusat penempatan sementara mangsa banjir.
- Sumbangan kepada Southern Volunteers bagi menggerakkan Misi Bantuan Banjir Johor.
- Sumbangan barangan keperluan asas Pasca Banjir.

Sinar Lebaran PDT



Program Sinar Lebaran PDT mula diperkenalkan pada tahun 2021, yang bertujuan membantu meringankan beban golongan sasaran dalam membuat persiapan sempena ketibaan sambutan Hari Raya Aidilfitri serta meraikan anak-anak yatim menerusi pemberian duit raya.

Manfaat kepada Penerima 2022

2
Daerah

Miskin Tegar
Warga Emas
Sakit Terlantar

100
Kotak Makanan

100
Keluarga

50
Anak Yatim


RM 20_K
Duit Raya



Mukim Kahang,
Mukim Kluang, Paloh
& Mukim Machap



Mukim Padang Endau,
Mukim Jemaluang,
Kampung Semeloi &
Kampung Sri Pantai



Pertubuhan Kebajikan Anak
Yatim Islam (PKAYI) Kluang



Pertubuhan Kebajikan Anak
Yatim Islam (PKAYI) Mersing



Sidang Editorial

Ketua Editor

**Yang Berhormat
Dato' Ramlee Bin A Rahman**

Timbalan Ketua Editor

**Noor' Azmi Bin Md Omar
Dzulkifly Bin Hassan
Mohd Firdaus Bin Abd Samad
Ts. Azman Bin Jaafar
Ambok Nani Bin Muhamad Nor**

Editor

Norindah Binti Khairi

Sub Editor

**Mohd Faizan Bin Abul Hasan
Muhammad Nur Sadiqin
Bin Mohd Khusni
Siti Noorzarina Binti Musa
Mohd Azrul Bin Abdull Azis**

Sidang Editorial

**Muhammad Danial Ariff
Bin Burhanuddin**

Asyidah Binti Hassan

**Che Nor Halizawati
Binti Che Mohamed**

Nur Arifah Binti Muhamad Azami

Arzielawati Binti Arifuddin

Muhammad Faris Bin Abdol Fattah

Ahmad Basir Bin Nazman

Zulhairi Bin Mi Yusuf

Muhamad Faizal Bin Samsuri

**Muhammad Amirul Ardy
Bin A. Rahim**

Pereka Grafik / Jurufoto I

Adi Muizzuddin Bin Addy Mulia

Pereka Grafik / Jurufoto II

Tengku Adib Yusof Bin Tengku Abdul Kadir

Penyelaras Penerbitan

**Jabatan Komunikasi, Sektor Komunikasi,
Pentadbiran dan Sumber Manusia**

Penerbit

Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. (PDT)

PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN. BHD. (327525-V)
Syarikat Milik Penuh Kerajaan Negeri Johor

No.44, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Tel : +607-239 6567/6568/6570 | Faks : +607-239 6574 | Email : general@pdt.com.my

www.pdt.com.my

